



قلمت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 1

RABU 7 JANUARI, 1987.

رابعو 6 جادي الاول 1407

PERCUMA

Lesen kapal:

**Pemilik
diberi
tempoh
sehingga
31 Mac**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua pemilik kapal termasuk perahu-perahu tambang dalam dengan ini diberi tempoh sehingga 31 Mac 1987 bagi melesen kapal-kapal mereka.

Pengarah Laut, Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim dalam surat keliling baru-baru ini menjelaskan bahawa selepas tarikh tersebut tindakan undang-undang akan dilakukan terhadap sesiapa yang didapati menggunakan kapal-kapal yang tidak lesenkan.

Menurut beliau, Jabatan Laut dalam usahanya bagi melesen semua jenis kapal-kapal yang digunakan di perairan Brunei telah diberi tempoh sehingga bulan Oktober 1986 untuk menyelesaikan perlesenan tersebut.

Walau bagaimanapun, klasnya lagi, sehingga sekarang masih banyak kapal-kapal yang belum dilesenkan.

"Pemilik-pemilik kapal adalah sekali lagi diingatkan bahawa di bawah peruntukan dari seksyen 94 Akta Perkapalan Pedagang, semua kapal-kapal yang berdagang

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**Tanam semangat untuk maju dan
tinggikan prestasi dan produktiviti:**

Tumpu perhatian terhadap tugas - titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rakyat di semua peringkat diingatkan untuk sentiasa menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing di samping sentiasa menanam semangat untuk maju dan meninggikan prestasi dan produktiviti mereka.

Bertitah ketika menyampaikan perutusan tahun baru 1987 melalui radio dan televisyen tengah malam Rabu lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam juga mengingatkan supaya setiap sumbangan yang diberikan hendaklah dibuat dengan keazaman untuk membangun, memaju serta membela nasib rakyat dan negara.

"Sumbangan yang Beta nyatakan ini adalah tidak lengkap jika tidak disertai dengan kejujuran, keikhlasan dan penuh amanah semata-mata kerana Allah juga," titah Baginda.

Baginda berharap supaya kita semua berazam dan bertekad bagi memperkuatkan semangat perpaduan dan muafakat yang berlandaskan ciri-ciri kebruneian.

"Yang mana di dalam kehidupan kita sehari-hari sentiasa bersopan-santun, hormat-menghormati di antara satu dengan lain serta beradab yang mengandungi adat," titah Baginda.

Dengan demikian titah Baginda, kita akan dapat mewujudkan ketahanan bangsa, negara dan agama.

Untuk itu Baginda percaya dengan izin Allah kita dapat mengatasi cubaan-cubaan yang akan dihadapi di masa akan datang sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat.

Rakyat juga, titah Baginda, bertanggungjawab untuk memerangi dan membasmi masalah-masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, merosak harta benda kemudahan awam dan pencemaran alam sekitar di

samping bersama-sama untuk menjaga keselamatan negara dari sebarang ancaman.

Terdahulu dalam titah tersebut Baginda menjelaskan tahun 1986 telah kita lalui dengan pencapaian kejayaan di berbagai bidang di samping menghadapi beberapa kesulitan dan cabaran.

Kita juga titah Baginda, telah diselubungi dengan detik-detik kesedihan atas kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien.

Lihat muka 20

Rakyat diingatkan berjimat cermat dalam berbelanja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengingatkan kepada semua rakyat di negara ini perlunya kita semua untuk berjimat cermat dan bersederhana di dalam perbelanjaan dan kehidupan seharian terutama sekali di zaman

kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang.

Maka dengan cara demikian, titah Baginda, kita akan dapat meringankan bebanan akibat dari kemelesetan ekonomi itu.

"Beta ingin mengingatkan kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini, iaitu di zaman kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang adalah perlu bagi kita semua untuk berjimat-cermat dan bersederhana di dalam perbelanjaan dan kehidupan kita seharian.

Maka dengan cara demikian kita akan dapat meringankan bebanan akibat dari kemelesetan ekonomi itu," titah Baginda selanjutnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian Sempena Menyambut Tahun Masihi 1987 yang telah disiarkan melalui radio dan televisyen Brunei pada 1 Januari 1987 yang lalu.

Sempena tahun baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan banyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda di semua peringkat termasuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah bekerja keras dengan tekun dan jujur lagi amanah demi untuk kesejahteraan dan keselamatan negara kita.

"Beta berharap usaha-usaha itu akan diteruskan untuk kebajikan kita bersama dan juga untuk generasi yang akan datang," titah Baginda.

"Beta bersama-sama dengan keluarga Beta, dengan sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sambil berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan negara kita Brunei Darussalam akan sentiasa dirahmati-Nya dengan keamanan, kemakmuran serta bahagia segala manusia dan isi di dalamnya," titah Baginda selanjutnya.

MANISNYA IMAN

"DAN di antara mereka itu ada yang mengumpat engkau mengenai pembahagian sedekah, kalau mereka diberi sebahagiannya mereka bersenang hati, tetapi kalau mereka tidak diberi mereka pun marah." — Makna ayat 58 Surah Al-Baqarah.

PETIKAN TITAH

“Keutamaan akan terus-menerus diberikan untuk melaksanakan alat-alat yang difikirkan perlu yang benar-benar sesuai dengan tidak tersepit kepada pembaziran yang akan membawa laila kesejahteraan serta kebahagiaan kepada sekalian rakyat dan penduduk negara kita ini, seperti mengadakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, serta peluang pelajaran yang berguna lebih sempurna, dan juga perumahan bagi mereka yang belum lagi terdapat membina rumah mereka sendiri.”

Diucapkan semasa Istiadat Mengadap di Lapau sempena Hari Keputeraan Baginda ke-37 tahun pada 15 Ogos 1983.



Pelita Brunei
BERSEKUTUHAN PADA TAPAK TAPAK BAKI

7 JANUARI, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

KE ARAH MANA TAHUN 1987

KITA telah pun memasuki tahun 1987. Ini bermakna 365 hari lagi harus kita harungi untuk terus membuktikan kemampuan kita sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat. Dalam titah perutusan tahun baru, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perlunya semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing dan menanamkan semangat untuk memaju dan meninggikan lagi taraf prestasi dan produktiviti masing-masing.

Dalam keadaan negara kita yang sedang pesat membangun dan menghadapi suasana antarabangsa yang boleh ditafsirkan sebagai kurang menggalakkan baik dari segi politik, mahupun ekonomi, ketahanan kita sebagai sebuah bangsa dan negara amatlah penting sekali bagi keteguhan generasi akan datang. Dalam tahun-tahun yang sudah berbagai aspek atau faktor kehidupan telah kita lalui. Apa yang perlu dijadikan pelajaran atau pengajaran ialah apa yang kita terima daripada peristiwa-peristiwa di sepanjang tahun 1986.

Antara perkara-perkara yang terkandung dalam titah perutusan tahun baru Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia banyak mengingatkan kita perihal cabaran-cabaran sosial yang boleh mematahkan ranting-ranting masyarakat kita yang akhirnya akan mematikan

bangsa negara ini sendiri. Banyak contoh yang kita lihat di sepanjang kehidupan kita dan banyak bahaya yang bakal kita hadapi jika kita tidak berwaspada dan bersedia menghadapinya.

Soal-soal sosial yang menjadi tumpuan di sepanjang tahun 1986 antaranya ialah penagihan dadah, rasuah dan sikap mementingkan diri sendiri. Sudah setentunya soal-soal tersebut akan terungkit lagi dalam tahun 1987 ini dan mungkin pada tahun-tahun akan datang. Di bidang ekonomi pula, kita memanglah berhasrat untuk tidak terlalu bergantung kepada minyak dan gas. Semua lapisan rakyat harus menyedari hakikat tersebut. Tetapi soalnya apakah dalam tahun 1986 semua lapisan rakyat telah memberikan usaha dan tenaga ke arah matlamat yang dihasratkan. Sudah setentunya soal ini akan menjadi satu persoalan yang berterusan dalam tahun 1987. Ini cuma sebahagian dari persoalan-persoalan yang telah kita hadapi tahun lalu dan akan terus kita lalui tahun ini.

Jika kita meninjau ke hadapan di sepanjang tahun 1987 pada dasarnya pandangan kita haruslah realistik dan bukan bersifat idealistik. Ianya juga tidak harus disempitkan hanya

kepada keadaan di negara kita semata-mata. Perbandingan hendaknya dibuat dengan keadaan serantau dan antarabangsa. Suasana di sekitar kita terlalu banyak memberikan kesan terhadap keadaan di negara kita sendiri sama ada secara langsung mahupun tidak di sepanjang tahun 1986 apatah lagi ketika ini kita telah pun menjadi negara anggota berbagai pertubuhan antarabangsa.

Kegigihan kita dalam mengharungi tahun 1987 tidaklah perlu dipertikaikan lagi. Kesedaran tersebut seharusnya sudah tersemat di jiwa setiap rakyat dan penduduk negara ini. Kasanggupan setiap warganegara juga amat penting. Jika kita ingin menjadi sebuah negara perusahan harus ada yang sanggup menjadi pengusaha. Jika kita ingin menjadi negara pusat kewangan harus ada yang berani menceburi diri secara sepenuh hati di bidang tersebut. Jika kita ingin menikmati hasil pertanian sendiri harus ada yang sanggup menjadi petani sepenuh masa bagi mencapai hasrat tersebut. Pendek kata ke arah mana negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini dalam tahun 1987 adalah terpikul di bahu kita masing-masing sebagai sebuah bangsa dan bukan sebagai individu.

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarkatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Tahun 1986 telah pun kita lalui dengan pencapaian kejayaan di berbagai bidang dan tidak kurangnya juga kita menghadapi beberapa kesulitan dan cabaran. Ianya juga dilalui dengan detik-detik kesedihan yang amat sangat yang mana menyelubungi kesemua lapisan rakyat dan masyarakat di negara ini iaitu kerana kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Beta yang sangat-sangat dikasihi, Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam yang ke-28.

Bersempena menjelangnya tahun baru iaitu tahun 1987, marilah kita renungkan dan menilai kembali segala apa jua yang telah kita tempuhi pada tahun lepas, dan menjadikannya sebagai iktibar dan pendorong bagi kita semua untuk memperbaiki dan melipatgandakan lagi daya usaha kita yang berkebakikan.

Produktiviti

Kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini, tidak kira sama ada

**SETIAP sum-
bangan yang
diberikan hen-
daklah dibuat
dengan ke-
azaman untuk
membangun dan
memajukan ser-
ta membela
nasib rakyat dan
negara yang ter-
cinta.**

pegawai-pegawai kerajaan, anggota pasukan-pasukan keselamatan, pihak-pihak swasta, guru-guru dan pelajar-pelajar, hendaknya sentiasa menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing dan sentiasa menanamkan semangat untuk memajukan dan meninggikan lagi taraf prestasi dan produktiviti masing-masing. Setiap sumbangan yang diberikan hendaklah dibuat dengan keazaman untuk membangun dan memajukan serta membela nasib rakyat dan negara yang tercinta. Sumbangan yang Beta nyatakan ini adalah tidak lengkap jika tidak disertai dengan kejujuran, keikhlasan dan penuh amanah semata-mata kerana Allah jua.

Marilah juga kita semua membuat azam dan tekad untuk memperkuatkan

Kuatkan perpaduan kita berlandaskan ciri-ciri kebruneian



BERIKUT ialah titah penuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun baru 1987 yang telah disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 1 Januari 1987.

semangat perpaduan dan ber-muafakat sesama kita yang berlandaskan kepada ciri-ciri kebruneian yang mana di dalam kehidupan kita sehari-hari sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati di antara satu dengan lain serta beradab yang mengandungi adat. Dengan cara demikian, kita akan dapat mewujudkan ketahanan bangsa, negara dan ugama, dan insya-Allah, dapat mengatasi segala cabaran-cabaran yang akan kita hadapi di masa-masa yang akan datang sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Memerangi

Di samping menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman musuh dan petualang negara, adalah juga menjadi tanggungjawab seluruh lapisan rakyat untuk memerangi dan membasmu masalah-masalah sosial di negara ini seperti penyalahgunaan dadah, merosak harta benda dan alat-alat kemudahan awam dan juga pengotoran dan pencemaran alam sekitar.

Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini iaitu di zaman kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang adalah perlu bagi kita semua untuk berjimat-cermat dan bersederhana di dalam perbelanjaan dan kehidupan kita seharian. Maka dengan cara demikian, kita akan dapat meringankan beban akibat dari kemelesetan ekonomi itu.

Terima kasih

Sempena tahun baru 1987 ini, Beta ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan penghargaan

kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta di semua peringkat termasuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, yang telah bekerja keras dengan tekun dan jujur lagi amanah demi untuk kesejahteraan dan keselamatan negara kita Brunei Darussalam yang dicintai ini. Beta berharap usaha-usaha itu akan diteruskan untuk kebajikan kita bersama dan juga untuk generasi yang akan datang.

Akhirnya, Beta bersama-sama dengan keluarga Beta, dengan sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan

**ADALAH juga menjadi tang-
gun g j a w a b
seluruh lapisan
rakyat untuk
memerangi dan
m e m b a s m i
masalah-masa-
lah sosial di
negara ini seper-
ti penyalahgu-
naan dadah,
merosak harta
benda dan alat-
alat kemudahan
awam dan juga
pengotoran dan
pencemaran
alam sekitar.**

penduduk Negara Brunei Darussalam, sambil berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, mudah-mudahan negara kita, Brunei Darussalam, akan sentiasa dirahmati-Nya dengan keamanan dan kemakmuran, serta bahagia segala manusia dan isi di dalamnya.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah,
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarkatuh.

BETA juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini iaitu zaman kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang adalah perlu bagi kita semua untuk berjimat cermat dan bersederhana di dalam perbelanjaan dan kehidupan kita seharian. Maka dengan cara demikian kita akan dapat meringankan beban akibat dari kemelesetan ekonomi itu.

BERSEMPENA menjelangnya tahun baru iaitu tahun 1987 marilah kita renungkan dan menilai kembali segala apa jua yang telah kita tempohi pada tahun lepas, dan menjadikan sebagai iktibar dan pendorong bagi kita semua memperbaiki dan melipatgandakan lagi daya usaha kita yang berkebakikan.

Perlantikan dan penetapan jawatan pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat kepada Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab, Pengarah Dasar dan Pentadbiran di Kementerian Pertahanan menjadi Setiausaha Tetap Dua di Kementerian tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menetapkan jawatan empat orang pegawai kanan.

Mereka ialah Awang Zainal bin Haji Momin ditetapkan dalam jawatan sebagai Pesuruhjaya Buruh secara kebelakangan mulai 1 Januari 1986.

Awang Othman bin Damit ditetapkan sebagai Pegawai Daerah Temburong; Awang Abd. Hamid bin Ismail ditetapkan sebagai Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan Pengiran Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas, ditetapkan sebagai Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait/Seria. Ketiga-tiga lantikan itu bermula pada 1 Januari 1987.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan melantik Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York menjadi Pengarah Perjawatan. Lantikan bermula pada 31 Disember 1986.



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab.



AWANG Zainal bin Awang Haji Momin



AWANG Othman bin Awang Damit



AWANG Abd. Hamid bin Ismail



PENGIRAN Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas



AWANG Ahmad bin P.O.K. Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Hj. Mohd. Yusof

Kemudahan yang disediakan jadi galakan bertugas lebih cekap

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas yang juga selaku Peguam Negara berharap agar kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menjadi galakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan jabatannya untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan cekap, jujur, bersih dan amanah.

Yang Amat Mulia itu berharap sedemikian ketika bersabda di Upacara Pembukaan Rasmi Bangunan Undang-Undang yang berlangsung di Dewan Tetamu, Tingkat I bangunan tersebut di sini pada pagi Sabtu, 3 Januari lalu.

"Ini akan menjadi galakan yang kuat kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Peguam Negara yang sekarang mempunyai 13 orang pegawai-pegawai tempatan berkelulusan profesional dan ijazah dalam bidang undang-undang

Oleh: Aisah Piee

dibandingkan dengan seorang anak tempatan yang terdapat dalam tahun 1970, agar mereka menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan jujur, amanah, bersih dan cekap, sesuai dengan kedudukan yang penting yang diberikan kepada pentadbiran undang-undang oleh Kerajaan Baginda," sabda Yang Amat Mulia.

Bangunan empat tingkat itu bernilai lebih \$6 juta itu menempatkan pejabat Peguam Negara dan pejabat Kementerian Undang-Undang, dan dibina berhampiran dengan Bangunan Mahkamah Tinggi tetapi berasingan yang menepati prinsip 'Separation of Powers' iaitu kuasa-kuasa pemerintahan yang berasingan.

Bangunan yang mempunyai kawasan seluas 55,500 kaki persegi itu mengandungi tiga unsur utama, iaitu satu blok berbentuk segi empat bujur berukuran 128 kaki menyediakan ruang pejabat, satu blok berbentuk segi enam mengandungi perpustakaan utama, manakala satu blok lagi menghubungkan di antara kedua blok tadi mengandungi

kemudahan-kemudahan tandas, lif dan bilik loji hawa dingin.

Tingkat bawah bangunan itu menempatkan kakitangan yang menguruskan pendaftaran tanda-tanda perniagaan, syarikat-syarikat dan nama-nama perniagaan, manakala tingkat pertama diuntukkan sebagai pusat persidangan dan mengandungi sebuah bilik persidangan, sebuah bilik kuliah, pejabat-pejabat dan bilik-bilik pentadbiran yang berkaitan untuk perwakilan.

Tingkat kedua pula menempatkan Penasihat-Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Undang-Undang serta tingkat utama perpustakaan. Perpustakaan ini tingginya dua tingkat dan mempunyai tingkat mezanin dengan tempat tambahan menyimpan buku dan kawasan kajian.

Sementara itu, tingkat ketiga menempatkan Peguam Negara dan Peguamcara Negara berserta ruang pejabat pentadbiran yang berkaitan. Ruang bumbung yang di atas blok pejabat akan digunakan sebagai ruang tempat menyimpan dokumen dan alat tulis.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang ketika berucap merasmikan pembukaan Bangunan Jabatan Peguam Negara.

Upacara pembukaan rasmi pagi itu bermula dengan ucapan alu-aluan Penasihat Jawatankuasa bagi majlis pembukaan rasmi, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap dan Peguamcara Negara.

Majlis hari itu juga telah mengadakan penyampaian hadiah bernilai seribu ringgit kepada pemenang mencipta logo baru bagi Jabatan Peguam Negara, yang telah dimenangi oleh Awang Lakim bin Haji Tinggal.

Permohonan kini dibukakan

KUALA BELAIT. — Adalah dimaklumkan bahawa terutamanya kepada rakyat jati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bermastautin di Daerah Belait, bahawa permohonan-permohonan untuk mendapatkan ruang-ruang kedai atau pejabat di Bangunan Bumiputera Kuala Belait dan Seria telah mula diterima di Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait.

Borang-borang permohonan bolehlah didapati di Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait pada waktu-waktu pejabat dibuka. Tarikh tutup permohonan ialah pada 21 Januari, 1987 jam 3.30 petang.



BEGINILAH bentuk Bangunan Jabatan Peguam Negara yang terletak di Batu Satu Jalan Tutong di ibu negara. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

13 pelajar kita ikuti kursus di Australia

BANDAR SERI BEGAWAN. — 13 orang pelajar di Negara Brunei Darussalam kini berada di Australia bagi mengikuti kursus selama 12 bulan di Institut Pendidikan Hawthorn, di Melbourne.

Kesemua mereka ini yang terdiri dari lapan orang lelaki dan lima orang perempuan akan mengambil Sijil Pendidikan Teknikal bermula dalam bulan Januari ini.

Sebelum itu, mereka telah menjalani program kerja selama tiga bulan di berbagai industri Australia. Kelayakan yang mereka dapati di sana akan membolehkan mereka untuk menjadi guru perdagangan di sekolah teknikal di negara ini.

Sepanjang tiga bulan itu mereka telah mempelajari berbagai-bagai bidang.



KELIHATAN penuntut Brunei dari kiri Omarali Mujah, Othman Haji Talip, Samara Uko dan Poh. Kui Goon mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh Awang Joh Gough bertempat di Sekolah Latihan Teknikal, di Port Melbourne, Victoria.

Jalankan tugas menurut hukum Allah

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua tegahan-Nya.

Tugas kita manusia ada bermacam-macam, sesuai dengan kebolehan dan keadaan masing-masing. Ada yang menjadi buruh, ada yang menjadi pegawai, ada yang menjadi petani, ada yang menjadi peniaga, ada yang menjadi nelayan, ada yang menjadi serba macam tukang, ada yang menjadi guru, ada yang menjadi ahli sains, ahli ekonomi dan pendeknya macam-macam lagi. Bila disebut tugas, bermakna ia hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

Mengikut Hukum

Sebagai orang Islam, apa pun jenis tugas kita, wajiblah mengikut hukum dan peraturan-peraturan Allah. Kita tidak boleh lari dari ketentuan ini. Jika kita lari bermakna kita tidak taat yakni menderhakai Allah. Orang-orang yang derhaka sudah disebut oleh Al-Quran sebagai umat di zaman Nabi Allah Musa, Nabi Allah Noh, Nabi Hud, Nabi Allah Salleh dan lain-lain. Punca kederhakaan mereka itu ialah sombong setelah Allah memberi kepada mereka nikmat dan kesenangan. Mereka lupa daratan, dan dengan itu pula mereka lupa tanggungjawab mereka terhadap amanah Allah yang menjadikan mereka khalifah di muka bumi ini, iaitu untuk mentadbir kehidupan ini dengan betul mengikut jalan-jalan yang diredai oleh Allah.

Tidak payah kita sebut berulang-ulang kali tentang hukuman-hukuman Allah terhadap umat-umat yang derhaka itu. Kita semua tentu sudah maklum, yang penting sekarang, jadikan diri kita dari umat yang sedar, bahawa taat setia itu akan dibalas oleh

Allah dengan ganjaran yang indah pada sisi-Nya. Marilah kita semua bercita-cita dan berharap-harap akan nikmat dan rahmat Allah dengan cara jangan langgar larangan-larangan-Nya dan patuhi suruhan-suruhan-Nya. Inilah jalan yang selamat bagi kita.

Pohonkan Taubat

Kita jangan lupa kepada Allah, ingat pertolongan-Nya, ingat akan kurnia-Nya, akan kasih sayang-Nya. Jangan sia-siakan nikmat Allah. Manusia memang selalu menzalimi dirinya sendiri, selalu menghampiri jurang neraka jahanam dengan perbuatannya. Jika kita selalu ingat akan Allah, dan sedar akan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa kita, maka insya-Allah kita akan menjadi manusia yang mulia. Kerana dengan cara itu kita akan menjadi orang yang

lekas-lekas menebus kesalahannya dengan taubat. Pohonkanlah taubat dan keredaan Allah, kerana taubat itu menjadi sumber rahmat. Jika Allah terima taubat kita, bermakna kita akan menjadi bersih dan diberi tempat selamat di akhirat, sebagaimana firman Allah dalam surah At-Tahrim

ayat 8 yang tafsirannya lebih kurang:

"Wahai mereka yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya. Mudah-mudahan Allah mengampunkan dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir air di bawahnya."

WAHAI mereka yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya. Mudah-mudahan Allah mengampunkan dosa kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir air di bawahnya.

Nilai kebahagiaan menurut Al-Quran

bererti: *"Wahai Tuhan kami, berilah kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka"*.

Tetapi ternyata kebahagiaan itu sulit untuk ditemui, lebih-lebih lagi dewasa ini di mana hari ini kita berada dalam zaman kemajuan yang serba moden dan sofistikated, ianya terlalu sukar untuk dicari dan didapati, disebabkan keadaan begitu ramai manusia cepat berputus asa apabila menerima kegagalan dan kekecewaan dalam mengejar cita-citanya, maka tidak hairanlah apabila kita dengar kejadian jenayah di sekeliling kita, manusia akan berani melakukan apa saja yang baik diakalnya asalkan bahagia menurut kehendak hatinya. Tidak ingat akan dosa dan seksaan dari Tuhan. Ini adalah timbul disebabkan kefahaman dan keyakinan terhadap ugama terlalu tipis dan imannya terlalu mudah untuk ditembusi oleh bisikan syaitan dan tipu helahnya.

Kita menyangka apa yang telah diperolehi akan dapat menjamin kita untuk bahagia, rupa-rupanya tidak, seperti kekayaan pada awalnya kita yakin janya akan memberikan kebahagiaan malah banyak menerbitkan bebanan, kesusahan, keresahan, ketakutan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, apabila kita benar-benar mengharap kebahagiaan yang hakiki dalam hidup, jalannya ialah mencari kebahagiaan tersebut dalam ugama Allah, dari mana ia harus bertolak (berangkat) atau bermula, jalan mana yang harus ditempuh dan cara apa yang harus dipakai untuk mewujudkan kebahagiaan di dalam kenyataan kehidupan kita. Dalam Al-Quran banyak ayat-ayat yang menerangkan tentang kebahagiaan yang diredai Tuhan, antaranya firman Tuhan di dalam Surah Al-Ahzaab ayat 71 yang bererti: *Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya*

guhnya ia akan bahagia sebenar-benarnya.

Ketahuilah sesungguhnya bagi orang-orang yang bertakwa itu adalah kebahagiaan. Dari pernyataan ayat-ayat itu menunjukkan bahawa kebahagiaan itu terletak dan dapat dikecapi dengan mentaati aturan Allah dan Rasul-Nya dan bertakwa kepada-Nya.

Bahagia yang diinginkan itu ada tiga perkara :

Pertama: Mengutamakan kebendaan, inilah yang dicita-cita dan dicari-cari oleh golongan materialist. Mereka berpendapat bahawa hakikat manusia itu adalah materi (benda) dan kehidupan hanyalah di dunia ini saja dan bahagia yang dikehendaki ialah bahagia di dunia yang berbentuk kebendaan semata-mata. Ini bertentangan dengan Al-Quran di mana diterangkan bahawa manusia itu bukan hanya hidup di dunia sepenuhnya, dunia hanya merupakan tumpangan sementara waktu sebelum menuju ke akhirat dan menghadapi Rabbul 'Alamin. Di sanalah kita akan hidup buat selama-lamanya. Janganlah kita lupa pada nikmat Ilahi kerana di kelilingi kemegahan dan kebahagiaan yang berupa sementara di mana akhirnya ia akan kita tinggalkan dan akan lenyap bila-bila waktu dikehendaki. Ucapkanlah syukur atas pengurniaan Tuhan yang banyak itu. Ingatlah firman yang menyuruh kita supaya berwaspada selalu pada apa saja pemberian Tuhan kerana kehidupan dunia merupakan senda gurau dan main-main dan akhiratlah tempat yang kekal lagi abadi.

Kedua: Menghendaki kebahagiaan roh, ini bagi mereka yang mengatakan bahawa hakikat manusia itu adalah roh dan kehidupan yang sebenar adalah di dalam roh, dunia hanyalah bayang-bayang dari roh kerana itu mereka menjauhi dunia dan sanggup menyalakan diri demi mencapai kebahagiaan

rohnya. Ini juga tidak selaras dengan ajaran Islam.

Ketiga: Menginginkan kebahagiaan kedua-duanya sekali iaitu dunia dan akhirat. Ini adalah mengikut hakikat manusia itu. Ia hidup di dunia untuk beberapa ketika dan pasti akan mati. Akhirat adalah tempat ketetapan. Kebahagiaan sejati dan abadi ialah kebahagiaan akhirat. Walaupun begitu kita hendaklah mencari kebahagiaan tersebut kerana kebahagiaan dunia itu menentukan kebahagiaan akhirat.

Kesimpulannya: Kebahagiaan yang diidamkan oleh seorang yang beriman ialah :

*Kebahagiaan dunia

*Kebahagiaan akhirat

Berpandulah kepada Al-Quran, iaitu kitab yang mengandungi berbagai-bagai ilmu Tuhan yang tidak ada bandingannya yang menganjurkan supaya kita berjalan atas jalan yang betul dalam mendapatkan kebahagiaan yang hakiki. Jalan yang harus ditempuh ialah dengan iman kita terhadap Allah dan perbuatan atau amalan salih yang ikhlas demi menjunjung perintah ugama kita. Tuhan menegaskan dalam kitab Al-Quran Al-Karim yang bererti: *Orang-orang yang beriman dan beramal salih kebahagiaan hiduplah bagi mereka dan tempat kembali yang baik iaitu syurga.* (Maksud Surah Ar-Ra'd ayat 29).

Dari maksud ayat tadi dapatlah kita merumuskan bahawa orang-orang yang beriman dan taat pada ajaran ugama tempatnya adalah istimewa dan mulia di akhirat kelak, Tuhan akan sediakan syurga yang indah sebagai balasan dan ganjaran pahala kerana tunduk akan sunah Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang mentaati Allah maka terciptalah sebuah kebahagiaan dalam hidupnya. Inilah kebahagiaan yang murni, yang kekal dan abadi yang amat diidamkan oleh setiap hamba mukminin sekaliannya.

Menuju Keredaan Allah

SUDAH menjadi resam dunia, setiap manusia pasti menginginkan kebahagiaan, keharmonian, ketenteraman, kedamaian dalam kehidupan sehari-hari, baik dari segi rohani mahupun jasmani yang merangkum segala aspek nilai sesuatu kebahagiaan, kerana ianya merupakan satu fitrah manusia yang terpenting dan tuntutan terhadap kewujudan manusia. Apatah lagi seorang mukmin, setiap hari akan menadahkan tangan memohon kepada Allah agar dilimpahkannya kebahagiaan dan keberkatan dalam kehidupan ini, iaitu seperti mana doa yang sering kita lafaskan setiap lepas sembahyang yang

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 7 Januari, 1987 hingga ke hari Selasa 13 Januari, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
7	12.29	3.49	3.50	6.21	6.22	7.36	7.37	5.16	5.02	5.17	6.30	6.31
8	12.29	3.49	3.50	6.22	6.23	7.36	7.37	5.16	5.02	5.17	6.31	6.32
9	12.29	3.50	3.51	6.22	6.23	7.36	7.37	5.17	5.03	5.18	6.31	6.32
10	12.30	3.50	3.51	6.23	6.24	7.37	7.38	5.17	5.03	5.18	6.31	6.32
11	12.30	3.50	3.51	6.23	6.24	7.37	7.38	5.18	5.04	5.19	6.32	6.33
12	12.31	3.51	3.52	6.24	6.25	7.38	7.39	5.18	5.04	5.19	6.32	6.33
13	12.31	3.51	3.52	6.24	6.25	7.38	7.39	5.18	5.04	5.19	6.32	6.33

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimula dari pukul 12.45 tengah hari,

LATAR
BELAKANG

LEMBAGA Kemajuan Ekonomi mula-mula ditubuhkan pada 1 Januari 1976 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi 1975. Penubuhannya adalah hasil dari sokongan Jawatankuasa Perancang Negara siapa yang bertanggungjawab bagi penyediaan Rancangan Kemajuan Negara 1975 — 1979 ketika itu. Di bawah akta-akta ini Lembaga Kemajuan Ekonomi adalah satu badan yang berkanun yang berkekal dan mempunyai kuasa yang membolehkannya mendakwa dan didakwa atas namanya dan boleh melakukan apa-apa yang dibuat oleh lain-lain badan (corporate) mengikut undang-undang.

Walau bagaimanapun sehingga hari ini Lembaga Kemajuan Ekonomi wujud sebagai sebuah jabatan Kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya dibayar gaji melalui Kerajaan, dan sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, penubuhannya adalah di bawah Setiausaha Kerajaan. Mulai dari Januari 1984, Lembaga Kemajuan Ekonomi adalah di bawah Kementerian Kewangan.

Di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi 1975, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi telah dilantik bagi menjalankan tugas-tugas sepertimana yang di "amanahkan" oleh Lembaga. Di antara lain tugas-tugas Lembaga Kemajuan Ekonomi yang luas seperti yang tersebut dalam Akta Lembaga Kemajuan Ekonomi 1975, skim pinjaman kewangan Kerajaan yang sedang dikendalikan atau ditadbirkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi sehingga kini adalah merupakan salah satu langkah positif Kerajaan ke arah menggalakkan penglibatan kaum bumiputera dalam apa-apa jua bidang kegiatan-kegiatan ekonomi yang produktif dan boleh hidup maju. Tujuan skim ini ialah supaya dapat meningkatkan lagi prestasi perniagaan mereka sebanding dengan bangsa-bangsa asing di negara ini.

Lembaga juga berperanan sebagai "penasihat" kepada peniaga-peniaga Melayu sama ada yang diberikan kemudahan kewangan atau tidak yang datang kepada Lembaga ini, dalam memperbaiki dan mempertingkatkan lagi perjalanan perniagaan mereka. Selain dari itu, misalnya Lembaga ini juga sering menerima pelabur-pelabur asing yang ingin meneroka peluang-peluang secara joint-venture atau usahasama dengan peniaga-peniaga Melayu di negara ini dalam apa jua perusahaan atau perniagaan.

Skim Kemudahan
Kewangan

Skim ini ialah untuk memberikan kemudahan kewangan kepada peniaga-peniaga Melayu rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkecimpung dalam apa jua bidang perniagaan atau perusahaan dan dikenali sebagai "Skim Kemudahan Kewangan Untuk Perniagaan Kecil Dan Sederhana".

Sejak skim ini bermula pada tahun 1977, pihak Lem-

Skim Kemudahan Kewangan Lembaga Kemajuan Ekonomi

Oleh Abu Bakar Haji Mohd. Tahir,
Lembaga Kemajuan Ekonomi,
Kementerian Kewangan.

baga telah banyak memberikan bantuan-bantuan kewangan terutama kepada mereka yang baru sahaja menceburi bidang perniagaan. Jenis-jenis perniagaan/perusahaan antara lain yang telah diberikan bantuan skim ini ialah bidang-bidang perkilangan, perkhidmatan pengangkutan, perumahan, pemborongan, pertanian/ternakan, perikanan, kedai runcit, perkhidmatan, pembekalan dan lain-lain lagi.

Di sini diterangkan secara ringkas syarat-syarat kelayakan bagi membolehkan pemohon-pemohon mendapatkan bantuan Kemudahan Kewangan melalui Skim Lembaga ini.

* Pemohon adalah terdiri daripada seorang atau beberapa orang sama ada secara perseorangan, perkongsian, kesatuan atau pertubuhan yang mana kesemua ahlinya didapati layak untuk mendapatkan kemudahan kewangan ini.

* Sebuah syarikat mestilah yang terkandung dalam Akta Syarikat 1956 dan sebuah syarikat kerjasama pula mestilah berdaftar mengikut Akta Syarikat Kerjasama 1975.

* Perniagaan hendaklah dijalankan di Brunei Darussalam dan pemohon jika individu mestilah seorang Melayu iaitu, yang dimaksudkan Melayu di sini ialah seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ia termasuk salah satu puak jati dari bangsa Melayu iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong, dan termasuk seorang rakyat secara Mutlak Undang-Undang menurut Bab (4) (1) (b) dari Akta Taraf Kebangsaan Brunei 1961 dan seorang rakyat (sama ada secara pendaftaran atau penempatan) yang diperjeniskan sebagai bangsa Melayu.

* Jika ianya satu perkongsian, semua ahlinya hendaklah terdiri dari orang Melayu, dan jika sebuah syarikat kerjasama maka orang-orang Melayu mestilah jumlahnya terbesar dan ini mestilah disahkan oleh pihak pendaftaran syarikat kerjasama.

* Kemudahan kewangan akan diberikan kepada apa jua kegiatan ekonomi yang boleh hidup maju dan produktif tetapi bukan merupakan kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh undang-undang atau satu penipuan, atau tidak bermoral dan bertentangan dengan norma-norma kehidupan masyarakat atau sesuatu kegiatan yang hanya berdasarkan kepada spekulasi.

* Jumlah maksima kemudahan kewangan yang dipohonkan ialah \$500,000.00.

* Cagaran-cagaran hendaklah merupakan apa jua

harta yang boleh diterima seperti amalan biasa bank. Ini termasuk tanah, penjamin-penjamin peribadi, bangunan/rumah dan jentera.

* Jangka masa membayar balik akan ditetapkan menurut:

- Kelamaan kehidupan perniagaan
- aliran cair tunai (cash flow liquidity) dari masa kemudahan kewangan dikeluarkan dan jenis cagaran dan jaminan yang diserahkan oleh pemohon.

* Setiap pemohon hendaklah menyerahkan cadangan projek yang hendak diusahakannya dan ianya hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang yang disediakan oleh Lembaga ini.

* Jika pemohon bercadang untuk membesarkan atau memodenkan perniagaannya yang telah berjalan, permohonan hendaklah menyertakan satu kunci kira-kira atau financial information yang menyatakan kegiatan-kegiatan dalam lima tahun lalu atau sejak perniagaan dimulakan jika kurang dari lima tahun.

Setelah para peserta seminar ini mengetahui dan memahami syarat-syarat Kemudahan Kewangan, maka persoalan seterusnya bagaimana mahu mendapatkan faedah dari skim ini. Maklumat-maklumat lanjut dan lengkap mengenai bagaimana cara-cara permohonan dan peraturan-peraturannya ada di dalam huraian skim yang disertakan bersama-sama setiap borang permohonan. Di dalam teks ini hanya dinyatakan secara ringkas sahaja. Borang permohonan mestilah diisi dengan seberapa yang lengkap. Dengan adanya butir-butir yang mencukupi ini akan membolehkan pegawai-pegawai Lembaga yang berkenaan menyediakan kertas kerja dengan sempurna, terutama sekali yang berhubung dengan keterangan projek atau perusahaan, misalnya, pemohon dalam bidang pemborongan, dikehendaki menghadapkan butir-butir lengkap seperti kerja-kerja kontrak (sama ada dengan Kerajaan atau swasta) yang pernah dikerjakan atau disiapkan oleh pemohon, kerja-kerja yang sedang dilakukan atau disiapkan, dan kerja-kerja yang telah berjaya dianugerahkan kepada pemohon dengan menyertakan bukti-bukti yang sah. Butir-butir mengenai dengan kewangan juga mustahak.

Jika permohonan kewangan adalah bagi faedah membina rumah untuk disewakan (projek perumahan), maka semua butir-butir yang perlu dan semua technicalitiesnya seperti kebenaran mendirikan rumah daripada pihak yang berkuasa, atau melibatkan pemecahan, atau penaklukan syarat tanah, hendaklah diperolehi, sebelum permohonan seperti ini dapat

dipertimbangkan. Begitu juga lain-lain projek, permohonan hendaklah dilengkapi dengan butir-butir yang perlu.

Jaminan/Cagaran

Jaminan yang biasa diterima oleh Lembaga ini ialah berbentuk tanah, dua atau tiga orang penjamin peribadi, jentera-jentera dan bangunan atau harta benda. Jika jentera atau lain-lain harta diperolehi melalui kemudahan skim ini, harta-harta ini hendaklah diakadkan dijual kepada Lembaga dan berjanji menebusnya kembali serta membayar lebih seperti yang dipersyaratkan dalam skim ini. Islam memestikan janji-janji itu ditunaikan dan jika ingkar tindakan undang-undang boleh diambil.

Tanah

Surat kuasa adalah diperlukan jika tanah itu kepunyaan orang lain. Dan ini mestilah mengikut peraturan-peraturan syarat-syarat Pejabat Tanah. Misalnya tuan punya tanah di bawah umur 18 tahun tidak dapat memberikan kuasa kepada pemohon terhadap tanahnya.

Jaminan Peribadi

Sekurang-kurangnya dua atau tiga orang yang bekerja dengan Kerajaan. Penjamin-penjamin hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Setiausaha Tetap, Kementerian masing-masing. Salinan permohonan mendapatkan kebenaran hendaklah diberikan kepada Lembaga ini.

Bayaran Lebih atau 'premium'

Kemudahan kewangan yang diberikan akan dipersyaratkan dibayar lebih ialah 6 peratus setahun mengikut baki bulanan menurun atau mengikut perubahan sebagaimana yang akan ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Bayaran Balik dan Tempoh Penangguhan Bayaran Pokok (Grace Period)

Kemudahan Kewangan yang telah dikeluarkan hendaklah dibayar balik sepenuhnya dalam tempoh yang tertentu mengikut jenis projek pemohon. Misalnya kemudahan kewangan bagi perumahan atau bangunan perusahaan ringan hendaklah dibayar balik sepenuhnya berserta premium dalam tempoh tidak lebih dari sepuluh (10) tahun, dan bagi kenderaan berat pula hendaklah dijelaskan dalam tempoh tidak lebih daripada 4 tahun.

Berhubung dengan tempoh penangguhan bayaran balik pokok pula adalah bergantung kepada jenis atau merit satu-satu projek itu.

Hal Pengeluaran

Pemohon-pemohon yang diluluskan kemudahan kewangan hendaklah menyetujui segala peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah dikenakan seperti dalam surat tawaran yang

diterimanya. Kemudian segala penyediaan dokumen-dokumen perjanjian hendaklah selesai dilakukan sebelum sebarang permohonan untuk pengeluaran dapat dibuat untuk pihak pemohon berkenaan.

Kemudahan kewangan biasanya dikeluarkan secara berperingkat-peringkat mengikut bahagian penyelesaian projek yang dilaksanakan oleh peniaga atau kemajuan perniagaannya. Sebelum pengeluaran kedua atau seterusnya dapat dikeluarkan rekod-rekod perbelanjaan/pendapatan beserta kemajuan perniagaan/perusahaan hendaklah dihadapkan terlebih dahulu.

Proses dan Penilaian

Dalam memproses seterusnya pemohon akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon biasanya dikehendaki memberikan keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan cadangan projek, terutama dari segi penggunaan kewangan yang diperlukan, viability projek, keupayaan pemohon mengendalikan dan membayar balik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dengan itu kerjasama dari pemohon dalam memberikan butir-butir dengan lengkap dan betul adalah sangat mustahak sebagai asas untuk membuat penilaian yang betul. Pihak Lembaga ini seterusnya akan membuat siasatan dan jika perlu akan membuat lawatan dan meminta pandangan dari beberapa buah jabatan Kerajaan yang berkenaan berhubung dengan projek cadangan pemohon ini.

Kertas-kertas kerja akan disediakan untuk dihadapkan kepada jawatankuasa yang berkenaan seperti berikut:—

- Permohonan yang melebihi \$100,000.00, kertas kerjanya akan dihadapkan ke Mesyuarat Penuh Lembaga atau Mesyuarat Lembaga.

- Bagi pinjaman berjumlah \$100,000.00 kebawah, akan dihadapkan ke Jawatankuasa Kecil Lembaga sahaja.

- Permohonan-permohonan bagi teks akan dihadapkan kepada Pengerusi Lembaga ini.

Di sini dapatlah diambil kesimpulan dalam mencapai matlamat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan penglibatan serta kejayaan orang-orang Melayu setanding dengan bangsa-bangsa asing adalah sangat-sangat memerlukan kerjasama penuh dari kedua-dua pihak iaitu peniaga-peniaga (pemohon) dengan pihak Kerajaan.

Kerajaan melalui skim ini telah mengeluarkan berjuta-juta ringgit kepada pemohon-pemohon sejak skim ini dilancarkan. Melalui pengalaman Lembaga ini dapatlah dikatakan kewangan bukanlah satu-satunya sahaja yang mempastikan kejayaan satu-satu syarikat pemohon; apa yang perlu diberikan perhatian yang sama ialah pengurusan yang sistematik, mengurangkan perbelanjaan operasi kepada tahap yang mustahak, dan memastikan segala hutang-hutang pinjaman diambil kira setiap pembayaran baliknya, sebelum menganggap syarikat pemohon mempunyai keuntungan. Kadang-kadang pemohon beranggapan yang syarikatnya mempunyai keuntungan walhal bayaran balik pinjaman belum lagi diambil kira. Ini bukan sahaja boleh mendatangkan sikap-sikap yang negatif yang boleh membebaskan dan merugikan pemohon itu sendiri bahkan ianya juga akan menjadi beban kepada pihak Kerajaan atau bank. Oleh yang demikian perkara-perkara seperti ini perlulah diambil perhatian oleh setiap peniaga-peniaga yang ingin memajukan perusahaan masing-masing ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Lesen menangkap ikan

ADALAH dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen perikanan bagi tahun 1987 ini hendaklah dibaharui mulai dari 1 Januari 1987 sehingga 31 April 1987.

Pegawai-Pegawai Melesen Perikanan juga akan pergi ke kampung-kampung seperti berikut bagi maksud yang sama.

HARI JUMAAT

9 Januari 1987

16 Januari 1987

23 Januari 1987

30 Januari 1987

6 Februari 1987

13 Februari 1987

KAMPUNG-KAMPUNG

Batu Marang

Penanjong

Menunggol

Danau

Sungai Matan

Lumut

Pudak

Telisai

Perpindahan

Serasa

Muara

Jerudong

Pegawai-pegawai tersebut akan berada di kampung-kampung itu dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 hingga 2.30 petang.

Kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem kehakiman

Sebelum diwujudkan Bahagian Syariah di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah Persekutuan pun, para hakim di Pakistan, yang kesemuanya telah mempelajari Undang-undang Islam, telah melibatkan diri dalam pemakaian hukum Islam. Semasa British menjajah India, Privy Council dan mahkamah-mahkamah di India telah sama-sama bersikap negatif. Dalam kes Agha Mahmood Jaafar Bindanin lawan Kalsoom Bee Bee—Privy Council telah memutuskan "Adalah salah bagi mahkamah untuk dengan sendirinya mentafsirkan Al-Quran dengan maksud yang bercanggah dengan apa yang telah ditentukan oleh ahli tafsir di zaman silam." Keputusan ini telah ditentang dalam mahkamah-mahkamah Pakistan selepas negara tersebut merdeka.

Dalam kes Khurshid Jan lawan Fazal Dad—Mahkamah Tinggi di Lahore telah memutuskan bahawa pendapat Privy Council, yang disebut di atas, tidak lagi boleh dipakai. "Jika terdapat pendapat di dalam sesuatu buku teks itu, walau bagaimana lama dan dihormati sekalipun, yang bercanggah dengan hukum yang terdapat dari ayat Al-Quran atau hadis Nabi yang sahih dan jelas maksudnya, maka tidak ada syak lagi hukum itu hendaklah dipakai dan adalah menjadi tanggungjawab mahkamah menentukan hukum yang sebenar."

Anwarul Had H telah berkata, "Dengan perasaan rendah diri saya berpendapat bahawa adalah salah untuk dijadikan satu peraturan bahawa mahkamah pada masa ini tidak mempunyai kuasa untuk mentafsir ayat Al-Quran berlainan dengan apa yang telah dilakukan oleh Fuqaha dan imam-imam silam. Pendapat seperti itu akan menjejaskan dynamisma dan ciri kesejagatan Ugama Islam dan Undang-Undang Islam."

Dihormati

Dalam pada itu pendapat ahli Fuqaha dan imam-imam zaman silam hendaklah dihormati dan mahkamah atau ahli perundangan masakini tidaklah seharusnya menolak melainkan dalam keadaan yang memaksa dan ada sebab-sebab yang munasabah. Saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa perselisihan tafsiran ini tidak bermakna kita mengeneipkan hukum-hukum yang terkandung dalam Al-Quran dan sunnah ataupun ijmak atas alasan-alasan ekuiti, suci hati atau kepentingan awam. Mahkamah mestilah diberi hak untuk mentafsir Al-Quran dan Sunnah. Mereka juga dibolehkan berselisih pendapat dengan ahli Fuqaha atas alasan istihsan atau istislah dalam perkara-perkara yang tidak ada disebut dalam Al-Quran, hadis, ijmak atau qiyas yang mengikat. Dalam pada itu perlu ditekankan bahawa pandangan ahli Fuqaha dan imam-imam zaman dahulu hendaklah dihormati dan diikuti akan tetapi hak untuk tidak mengikutinya hendaklah tetap ada juga bagi mahkamah-mahkamah masakini di Pakistan kerana menafikan hak tersebut adalah bertentangan dengan roh Islam sejati dan juga berlawanan dengan tanggungjawab mahkamah di bawah undang-undang dan perlembagaan untuk mentafsir undang-undang apabila mereka mentadbirnya dalam kes-kes yang dibicarakan di hadapan mereka."

Oleh yang demikian, mahkamah-mahkamah di Pakistan telah meneliti semula dan memberi pandangan mereka sendiri dalam beberapa isu penting yang dikemukakan kepada mereka. Sebagai contohnya, kita rujuk kepada :

*Muhammad Baksh lwn Crown di mana diputuskan bahawa perintah mahkamah adalah tidak perlu untuk mengesahkan pemilihan isteri meneruskan perkahwinan itu apabila ia baligh.

*Abdul Ghani lwn Taleh Bibi di mana diputuskan bahawa Undang-Undang Islam mengenai kesahataran seorang kanak-kanak hendaklah diikuti dan Seksyen 113 Akta Keterangan tidak boleh dipakai.

*Hamida Begum lwn Murat Begum di mana keputusan kes Abdul Ghani lwn Taleh Bibi telah dipersetujui dan

diputuskan bahawa Undang-Undang Islam mengenai kesahataran hendaklah dipakai dalam kes-kes yang melibatkan orang-orang Islam.

*Federation of Pakistan v Hazoor Bakhsh di mana telah diputuskan bahawa hukuman bagi zina yang diperuntukkan di dalam Offence of Zina (Enforcement of Hudood), Ordinance 1979, iaitu rejam untuk muhsan dan sebat rotan untuk bukan muhsan adalah sah oleh kerana hukuman itu mengikut apa yang ditetapkan oleh Al-Quran dan Sunnah.

Berbeza dengan Pakistan, Indonesia mempunyai Mahkamah Syariah untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan orang Islam. Ada terdapat Mahkamah Syariah di peringkat rendah dan ada juga Mahkamah Rayuan. Mahkamah Agung mempunyai kuasa ulangkaji dalam soal undang-undang dari Mahkamah Rayuan dan kuasa umum mengawasi pentadbiran mahkamah (sebagaimana mahkamah-mahkamah yang lain) berjalan secara betul dan saksama. Mahkamah Agung mempunyai seorang Timbalan Hakim Besar yang mempunyai kuasa mengawasi pentadbiran mahkamah-mahkamah Syariah.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Indonesia adalah terhad iaitu hanya meliputi kes-kes keluarga dan terutama sekali kes-kes di bawah Akta Perkahwinan 1974. Di beberapa tempat di Indonesia, selain daripada Pulau Jawa dan Madura, Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa mengenai harta pesaka. Undang-undang Islam adalah satu mata pelajaran wajib di semua Fakultas Undang-Undang di Indonesia dan oleh yang demikian semua peguam dan para hakim adalah arif dalam hukum Islam. Kebelakangan ini, keputusan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Agung ada tersebut dilaporkan dalam penerbitan-penerbitan rasmi. Di antara keputusan-keputusan terdapat yang berikut:—

*Selam lwn Merti. Dalam kes ini diputuskan bahawa seorang isteri yang diceraai semasa ia mengandung berhak menuntut nafkah semasa idah, belanja bersalin dan saraan hidup bagi anak tersebut. Mahkamah Syariah di peringkat awalan (perbicaraan) membuat keputusan berdasarkan ayat 6 Surah At-Talaq dan Kitab Al-Muhawanah. Rayuan yang dibuat kepada mahkamah ditolak dan Mahkamah Rayuan berpandukan kepada Bughyatul Mustarsheddin. Apabila dirujuk kepada Mahkamah Agung keputusan kedua-dua mahkamah tersebut telah disahkan.

*Juariah lwn Yunus. Dalam kes ini, seorang isteri telah mendakwa bahawa ia telah dipaksa kahwin dengan pihak yang kena tuntutan dan semenjak hari perkahwinan mereka sentiasa berkelahi. Ia mendakwa bahawa mereka tidak boleh hidup bersama sebagai suami isteri. Mahkamah perbicaraan (peringkat awalan) telah memutuskan supaya dijatuhkan satu talak, dengan berpandukan kepada hadis dari Ibnu Abbas dalam Subulus Salam dan dalam buku "Nas dan Hujjah Syariah". Di peringkat rayuan Mahkamah Rayuan telah meluluskan rayuan sambil memutuskan bahawa mahkamah sepatutnya menjalankan proses hakam dalam proses Syiqaq seperti yang disebut dalam Al-Quran, ayat 35 Surah An-Nisaa. Apabila dirujuk kepada Mahkamah Agung, diputuskan bahawa proses Syiqaq tidak semestinya diikuti. Dalam kes ini, keterangan adalah cukup jelas dan pihak menuntut berhak mendapatkan perintah cerai seperti yang diputuskan oleh Mahkamah perbicaraan.

*Nariman Zed lwn Abdullah. Dalam kes ini seorang isteri telah mengadu bahawa sejak ia berkahwin dengan suaminya selama enam tahun yang lalu ia tidak hidup bahagia kerana perkahwinan itu adalah kahwin paksa. Ia telah berpisah dengan suaminya selama satu tahun tetapi suaminya tetap enggan menceraikannya. Malahan pula suaminya telah memujuknya untuk kembali hidup bersama dengannya tetapi ia telah menolak. Usaha telah di-

jalankan untuk mendamaikan kedua pihak tetapi semuanya gagal. Isteri tersebut kemudiannya telah menuntut cerai. Kes ini telah dikira sebagai kes syiqaq dan hakam telah pun dilantik. Mahkamah telah merujuk kepada ayat 35 Surah An-Nisaa dan kitab-kitab "KhulashatutTiryak" dan "Hashiyah Tuhfah". Hakam telah setuju bahawa isteri patut diceraikan dengan talak satu. Mahkamah mengesahkan hukum cerai tersebut. Apabila dirayu ke Mahkamah Rayuan, dakwaan dibuat bahawa hakam bagi pihak suami telah gagal menjalankan tugasnya dengan sempurna, malahan telah tidak pun menemui atau berunding dengan suami. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keputusan Mahkamah perbicaraan berdasarkan persetujuan hakam itu dibatalkan. Walau pun demikian, Mahkamah Rayuan telah mengambil kira fakta sebenar dan memutuskan bahawa perkahwinan tersebut telah runtuh dan jika kedua pihak terus hidup bersama ini akan hanya membawa derita. Oleh yang demikian, mahkamah telah memutuskan bahawa isteri hendaklah diceraikan dengan talak satu berdasarkan hukum dan kaedah khuluk. Mahkamah berpandukan Kitab Al-Muhazzab dan Kitab Gohayatul Murom. Apabila kes ini dirujuk kepada Mahkamah Agung, mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Rayuan telah silap mengenai hak isteri mendapatkan perintah cerai berdasarkan khuluk kerana tidak ada keterangan yang menunjukkan isteri telah menawarkan apa-apa bayaran tebus talak. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keputusan Mahkamah perbicaraan hendaklah dikekalkan.

*Tian Supartinah lwn Koeswiradyo dan Rostini. Dalam kes ini pihak menuntut, isteri kepada pihak kena tuntutan, yang pertama telah meminta mahkamah mengeluarkan perintah mengisytiharkan perkahwinan pihak kena tuntutan yang pertama dengan pihak kena tuntutan yang kedua sebagai batal dan tidak sah. Pihak menuntut telah menyatakan bahawa ia telah hidup dengan rukun damai bersama pihak kena tuntutan yang pertama apabila ia berkahwin dengan pihak kena tuntutan yang kedua tanpa mematuhi kehendak Undang-Undang Perkahwinan 1974. Mahkamah perbicaraan memutuskan bahawa perkahwinan tersebut batal, berasaskan peruntukan Undang-Undang Perkahwinan 1974 dan Kitab Bughyatul Mustarsheddin. Apabila rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan seterusnya kepada Mahkamah Agung, hukuman Mahkamah perbicaraan tersebut telah disahkan.

*Sanati lwn Linting. Dalam kes ini pihak menuntut, isteri kepada pihak kena tuntutan, telah membuat tuntutan untuk mendapatkan nafkah dari suaminya. Dalam tuntutannya ia berkata suaminya telah berkahwin semula dan telah tidak memperdulikannya. Pihak kena tuntutan telah mendakwa ia telah menceraikan isterinya sebelas tahun dahulu. Walau bagaimanapun ia tidak dapat membuktikan perceraian itu dan jelas perceraian itu hanya diadakan pada tahun 1977. Mahkamah telah menerima tuntutan nafkah itu dan menghukumkan pihak kena tuntutan membayar nafkah untuk masa 11 tahun. Rayuan kepada Mahkamah Rayuan telah ditolak dan Mahkamah Agung kemudiannya mengesahkan keputusan itu.

*Zawiyah lwn Mahyudin. Dalam kes ini pihak menuntut memohon mendapat perceraian dari suaminya. Dalam tuntutan nya ia berkata dia telah tidak mendapat nafkah dari suaminya semenjak perkahwinan mereka sembilan tahun dahulu dan baharu-baharu ini suaminya tidak lagi tinggal bersamanya. Suaminya tidak bekerja dan mempunyai tujuh anak dari perkahwinan dahulunya. Oleh kerana anak itu selalu terjadi pergaduhan. Usaha untuk perdamaian telah dibuat akan tetapi gagal. Mahkamah telah membenarkan tuntutan perceraian dan keputusan ini

Sambungan minggu lalu

disahkan di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Agung.

*Ainul Mardiyah lwn Ibrahim. Pihak menuntut memohon mendapat perceraian beralasan kepada taalik yang dilafazkan oleh suaminya, pihak kena tuntutan. Dalam tuntutannya ia berkata bahawa suaminya telah tidak mematuhi taalik itu oleh kerana ia telah meninggalkan langsung pihak menuntut sudah satu tahun tiga bulan dan tidak memberi nafkah kepadanya. Pihak kena tuntutan hadir di Mahkamah dan mengaku dia telah melafazkan taalik itu dan dia tidak memberi nafkah kepada isterinya. Ia meminta isterinya balik dan kata ia sedia memberi sebahagian nafkah yang terhutang. Isteri enggan menerima tawaran itu. Mahkamah menerima tuntutan pihak menuntut. Mahkamah Rayuan telah membatalkan keputusan ini oleh kerana ada kemungkinan pihak-pihak itu meneruskan kehidupan mereka sebagai suami isteri. Akan tetapi Mahkamah Agung telah memutuskan oleh kerana pihak kena tuntutan telah mengaku ia telah tidak patuhi taaliknya pihak menuntut berhak mendapat pengesahan talak khuli apabila membayar iwadalnya.

*Siti Hawa lwn Abdul Rahman. Pihak menuntut memohon perceraian fasakh, oleh kerana suaminya pihak kena tuntutan selalu garang dan memukulnya, tidak memberi nafkah kepadanya dan selalu bergaduh dengannya.

Ia berkata ia tidak boleh duduk dengan suaminya dengan rukun dan damai. Pihak kena tuntutan mengaku ia telah pukul isterinya, sebabnya isteri enggan memberi wang untuk membayar hutangnya. Ia kata ia telah suruh ambil gajinya dari majikannya akan tetapi isterinya enggan. Mahkamah telah berkenan dengan permohonan pihak kena tuntutan dan telah memfasahkannya. Apabila Rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan, Mahkamah rayuan berpandapan perkara itu harus diselesaikan melalui cara melantik hakam. Apabila rujukan dibuat kepada Mahkamah Agung, mahkamah telah bersetuju dengan Mahkamah asal iaitu pihak menuntut berhak mendapat fasakh kerana suaminya tidak memberi nafkah kepadanya.

*Roemishi lwn Nasikan. Pihak menuntut telah memohon perceraian kerana suaminya, pihak kena tuntutan telah tidak mematuhi taalik yang dilafazkannya dan telah meninggalkan langsung isterinya hampir dua tahun dan tidak memberi nafkah atau meninggalkan harta untuk nafkahnya. Pihak kena tuntutan pada mulanya mengaku telah membuat taalik dan telah meninggalkan langsungnya tetapi dia enggan menceraikan isterinya. Apabila perbicaraan diteruskan ia tidak hadir. Mahkamah telah meminta pihak menuntut bersumpah Yaminul Istidzhar dan kemudiannya telah membenarkan permohonan. Apabila rayuan dibuat Mahkamah Rayuan telah membenarkan perceraian dengan satu talak khuli dengan membayar iwadal.

*Damahuri lwn Sri Supin. Di dalam kes ini pihak menuntut memohon kebenaran dari mahkamah untuk menceraikan isterinya. Ia mendakwa isterinya tidak menjalankan tugasnya, kerap kali meninggalkan rumah tanpa izin dan tidak menghormati ibu mertuanya. Mahkamah telah menolak permohonan kerana tuduhannya tidak dibuktikan. Apabila rayuan dibuat ke Mahkamah Rayuan, Mahkamah berpendapat mereka telah berpecah-belah dan pihak menuntut hendaklah diberi izin menceraikan isterinya.

*Yusda Helena lwn Dahnul Aminuddin. Pihak menuntut telah memohon perceraian oleh kerana suaminya pihak kena tuntutan selalu garang, telah memukulnya dan tidak memberi nafkah kepadanya. Ia juga memohon nafkah untuk dirinya dan anaknya dan hak jagaan anak itu. Mahkamah telah membenarkan permohonan pihak menuntut dan keputusan ini telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan.

(Bersambung)

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 7 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.00 THE WORLD OF SURVIVAL: "When The Tide Goes Out"
- 5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE MAGICAL WORLD OF GIGI — sambungan
- 5.55 SILVER SPOON
- 6.22 AZAN MAGHRIB
- 6.28 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.35 TUNAS BIMBINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SCARECROW AND MRS KING: "Utopia Now"
Amanda King dan Lee Stetson pergi ke Virginia untuk mengintip penerangan pembaharu cukai siapa yang mungkin akan lebih mempersoalkan tentang politik dalam agendanya.
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.40 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 ADUNIKA
- 9.55 YES PRIME MINISTER: "The Key"
- 10.20 EMBASSY WORLD SNOOKER
- 10.45 DYNASTY: "The Warning"
Caress mendapati rahsia Emily dan Ben dan Blake pula ditipu oleh kawan lamanya. Alexis merancang supaya Kerajaan China menentang Blake; Claudia pula mengancam untuk membalas dendam terhadap kuasa mutlak Adam atas Denver-Carrington.
- 11.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI KHAMIS 8 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 THE JETSONS
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN (Siri baru)
- 6.05 THE ART CHEST
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.29 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.35 PINK PANTHER AND SONS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE FALL GUY: "Beach Blanket Bountry"
Colt, Howie dan Jody telah mengkor Cliff Hansen siapa yang telah mencuri dan menjual rahsia-rahsia perusahaan. Dia baru-baru ini telah merompak safe di sebuah kelab malam di mana kumpulan penyanyi-penyanyi muda seperti Sha Na Na cuba untuk berehat.
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.40 THE FALL GUY — sambungan

- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 HARDCASTLE AND McCORMICK (Siri baru)
- 10.40 CHECK IT OUT: "Love Is A Many Splendored Alf"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Paper Dolls"
- 12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT 9 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.48 HIDAYAT — sambungan
- 12.55 MUTIARA/NADASARI

PETANG

- 1.25 THE 13 GHOSTS OF SCOOBY DOO: "That's Monstertainment"
- 1.50 ITALIAN FOOTBALL
- 2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 3.05 ANDY ROBSON (Siri baru)
- 3.30 AL-KISAH: "Kisah Kura-Kura"
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.54 AL-KISAH — sambungan
- 4.00 BENSON: "Three On A Mismatch"
- 4.20 SUPER SPACE THEATRE: "Invasion U.F.O." Bhg I.
- 5.05 TRADITIONAL MEDICINE IN AFRICA: "Traditional Therapy In Mental Health"
- 5.35 MOON JUMPER: "The Red Ribbon Job (Episod terakhir)"
Moon Jumper telah pincang dan belum tahu akan sembuh sebelum pertunjukkan melompat yang besar diadakan, dan masa Niki di lembah beralu begitu saja. Daripada menarik diri, lebih baik Niki menyewa kuda dari Tad Masters—sekor kuda yang selalu menentang bernama B'Anchard. Nampaknya cabaran ini lebih banyak berdiam dari menjadi juara.
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MOON JUMPER — sambungan
- 6.00 THE GALTAR AND THE GOLD-EN LANCE
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.29 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.35 MARI BERSAMAKU

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 DRAMA TEMPATAN: "Kapal Kertas" Bhg II
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.40 DRAMA TEMPATAN —sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 DOCUMENTARY: "Skydive To Autana"
- 11.10 HOLLYWOOD BEAT
- 11.55 DALLAS: "Blast From The Past" (Episod terakhir)
- 12.45 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI SABTU 10 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET

- 5.30 THE LAST FRONTIER: "King Of The Arctic"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
- 6.00 VALERIE (Siri baru)
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.30 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.35 THUNDERCATS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE EQUALIZER: "The Lock Box"
Apabila suatu perjalanan yang diimpi-impikan bertukar menjadi suatu mimpi buruk yang dahsyat dengan hilangnya anak perempuan yang berusia belasan tahun, keluarga mereka yang dalam kebingungan dan putus asa menghubungi McCall untuk meminta pertolongan.
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.41 THE EQUALIZER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 BINTANG UNDANGAN (SBC)
- 10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
- 11.40 FALCON CREST: "Chase And Desist"
- 12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI AHAD 11 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.18 THIS WEEK'S MUSIC
- 12.30 AZAN ZUHUR
- 12.33 THIS WEEK'S MUSIC — sambungan

PETANG

- 1.05 CRAZY LIKE A FOX: "Year Of The Box"
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Airplane"
- 3.30 CHALLENGE OF THE GOBOTS
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.54 CHALLENGE OF THE GOBOTS: — sambungan
- 4.00 SHE-RA PRINCESS OF POWER
- 4.30 DRAMA TEMPATAN: "Kapal Kertas" Bhg II (ulangan)
- 5.10 SPORTS: WORLD CUP BADMINTON CHAMPIONSHIP — Ladies Single
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SPORTS — sambungan
- 6.05 THE WIND IN THEIR HANDS
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.30 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.35 WHO'S THE BOSS: "The Heiren"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 OUR HOUSE: "Third Question"
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.41 OUR HOUSE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 MARI MEMASAK: "Puding Epal Berjurai"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 9.15 HIBURAN MINGGU INI: "Dendam Juara"
- 10.00 THREE'S COMPANY: "The Impossible Dream"
- 10.30 THE CHALLENGE
- 11.20 ALFRED HITCHCOCK: "Prisoner"
- 11.55 DOA PENUTUP SIARAN LAGU KEBANGSAAN

HARI ISNIN 12 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF THE GUMNI BEARS
- 4.55 FRAGGLE ROCK
- 5.20 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW: "The March"
- 6.15 KUIZ RIA
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.31 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.41 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE A TEAM: "The Sound Of Thunder"
General Fullbright membawa kumpulan A Team ke Vietnam di mana dia berharap akan menemui anak perempuannya.
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.42 THE A TEAM — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 GIVE US A CLUE
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR: "Ordinary People"
- 11.20 MUSICAL
- 11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA 13 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE KIDS FROM 47A: "All's Well That Ends Well"
Hari kegembiraan telah tiba, di mana ibu mereka dijangka balik dari hospital dan budak-budak 47A tidak lagi bersusah payah hidup sendiri. Mereka memikirkan selama ini mereka telah kerja-kerja tersebut dengan baik. Tetapi terdapat pula krisis di saat-saat akhir.
- 4.55 CHARLES IN CHARGE
- 5.20 MICKEY AND DONALD
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MARI MEMASAK: "Puding Epal Berjurai" (ulangan)
- 6.15 NATURE MATCH
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.31 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNANYA
- 6.41 NATURE WATCH — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 AIRWOLF: "The Horn Of Plenty"
Hawke dan Santini mendapati diri mereka menjadi sasaran keburukan seorang saudagar kaya siapa yang memutuskan untuk mendapatkan keuntungan miliknya dari Airwolf.
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.42 AIRWOLF — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 REKASENI
- 9.20 ARENA SUKAN
- 10.20 FULL HOUSE: "TV Or Not TV"
- 10.50 THE COLBY: "The Reckoning"
- 11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAS KECIL :
(Bilangan Kod : 025 70 — 108)
(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri).

Tanggungaji : E.1-2.3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman mengawas dan mengawal pekerja-pekerja buruh jalan-jalan kecil di kampung-kampung pedalaman dalam daerah tidak kurang dari 3 tahun.

b) Pengalaman bertugas sebagai Mandor tidak kurang dari 3 tahun dalam tugas-tugas di a) (ii) adalah satu kelebihan.

c) Umur tidak kurang dari 25 tahun.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

A. (Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod : 009 39 — 143).

B. (Di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang).

(Bilangan Kod : 078 39 — 143).

C. (Di Jabatan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri).

(Bilangan Kod : 034 39 — 143).

D. (Di Jabatan Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pelajaran).

(Bilangan Kod : 028 39 — 143).

E. (Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan).

(Bilangan Kod : 094 39 — 143).

Tanggungaji : E.1-2.3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

c) Berpengalaman dan berkebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.

d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

3. STEWARD :

(Bilangan Kod : 094 380 — 943).

(Di Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran).

Tanggungaji : E.3 EB.4 — \$660-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Mandor tidak kurang dari 3 tahun.

b) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Mengawasi kebersihan Bengkel dan keliling kawasan Maktab.

b) Mengawasi, mengatur dan mencatat kedatangan Buruh-Buruh Bergaji Hari dan termasuk Bergaji Bulan.

4. A. PENYAMBUT TETAMU :

(Di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri)

(Bilangan Kod : 082 39 — 411).

B. PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON :

(Di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

(Bilangan Kod : 105 38 — 026).

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

(Bilangan Kod : 094 380 — 026).

Tanggungaji : E.1-2.3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan serta mempunyai pengalaman sebagai Penyambut Tetamu/Telefon Operator tidak kurang dari 3 tahun.

b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Selain daripada menjadi Penyambut Tetamu, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

5. PEMANDU TINGKAT KHAS :

A. (Di Jabatan Lembaga Bandar Kuala Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bilangan Kod : 066 98 — 502).

B. (Di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bilangan Kod : 024 98 — 502).

Tanggungaji : E.2-3 EB.4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I (satu).

c) Mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am : Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja

secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu

Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 159/1986).

(E/436/80).

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran Untuk Electrical Installation For Proposed Computer Suite At Logistic Depot, Phase II, Bolkiah Camp, Negara Brunei Darussalam

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan dari Pemborong-pemborong Elektrikal Kelas 'B' dan ke atas sehingga hari Rabu 21 Januari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED COMPUTER SUITE AT LOGISTIC DEPOT, PHASE II, BOLKIAH CAMP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan

3. Semua tawaran-tawaran, terutama dari seberang laut, mesti diantarkan dalam peti tawaran yang terletak di hadapan pejabat tersebut di atas sebelum tarikh dan masa tersebut di atas. Tawaran-tawaran yang tidak diantarkan dalam peti tawaran dengan secara tersebut akan tidak dilayan

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK: ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED COMPUTER SUITE AT LOGISTIC DEPOT, PHASE II, BOLKIAH CAMP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

Brisma International Consultants,
F12, Seri Tumasek Complex,
Batu 1½ Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

mulai dari hari Rabu 31 Disember, 1986 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu 17 Januari 1987.

6. Cagaran tawaran (tender deposit sebanyak \$200.00 + \$100.00 (drawing) (Ringgit Tiga Ratus Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut:—

(a) Pemborong-pemborong itu adalah Pemborong Elektrikal Kelas 'B' ke atas.

(b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan security deposit sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Pemborong mesti menetapkan dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang diambil adalah sama dengan Master dokumen dan lukisan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

11. Oleh sebab peluang diberi kepada semua pemborong pemborong melihat dokumen dan lukisan tawaran di pejabat dalam masa tersebut dalam perenggan (5) di atas, tawaran dan cagaran tawaran tidak boleh ditarik balik bermula SATU MINGGU sebelum tarikh tutup tersebut dalam perenggan pertama.

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran Untuk Airconditioning Installation For Proposed Computer Suite At Logistic Depot, Phase II, Bolkiah Camp, Negara Brunei Darussalam

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas 'B' dan ke atas sehingga hari Rabu 21 Januari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED COMPUTER SUITE AT LOGISTIC DEPOT, PHASE II, BOLKIAH CAMP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayan.

3. Semua tawaran-tawaran, terutama dari seberang laut, mesti diantarkan dalam peti tawaran yang terletak di hadapan pejabat tersebut di atas sebelum tarikh dan masa tersebut di atas. Tawaran-tawaran yang tidak diantarkan dalam peti tawaran dengan secara tersebut akan tidak dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan mestilah ditanda dengan seperti berikut:—

TAWARAN UNTUK AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED COMPUTER SUITE AT LOGISTIC DEPOT, PHASE II, BOLKIAH CAMP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

Brisma International Consultants,
F12, Seri Tumasek Complex,
Batu 1½ Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

mulai dari hari Rabu 31 Disember, 1986 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu 17 Januari 1987.

6. Cagaran tawaran (tender deposit sebanyak \$200.00 + \$100.00 (drawing) (Ringgit Tiga Ratus Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut:—

(a) Pemborong-pemborong itu adalah Pemborong Hawa Dingin Kelas 'B' dan ke atas.

(b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan security deposit sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Pemborong mesti menetapkan dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang diambil adalah sama dengan Master dokumen dan lukisan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

11. Oleh sebab peluang diberi kepada semua pemborong pemborong melihat dokumen dan lukisan tawaran di pejabat dalam masa tersebut dalam perenggan (5) di atas, tawaran dan cagaran tawaran tidak boleh ditarik balik bermula SATU MINGGU sebelum tarikh tutup tersebut dalam perenggan pertama.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1.0 Nama projek :

BILANGAN TAWARAN: JKP/22/1986
HOUSING PHASE 4A AT LAMBAK KANAN RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari :

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

mulai dari hari Rabu 17 Disember, 1986 hingga hari Selasa 13 Januari, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam

4.0 Cagaran tawaran: \$5,000.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Rabu 14 Januari 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Pejabat Setiausaha Tetap (T),
Tingkat 3,
Bangunan Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENYELANGGARA STOR TINGKAT II

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELANGGARA STOR TINGKAT II di Jabatan-Jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang berikut:

- DI JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN (Bilangan Kod: 098 39-142)
- DI JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bilangan Kod: 094 39-142)

Tanggagaji: D.2 EB.3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan:

- Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU
ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

tan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

- Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.

- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan

dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di-kembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran:

164/1986.

(E/328/81)

Kursus di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pelajaran sedang membuka peluang kepada pemohon-pemohon yang berkecayaan bagi mengikuti berbagai-bagai kursus bagi pengambilan bulan Januari 1987 di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara.

Kursus-kursus yang ditawarkan itu termasuklah BTEC National Diploma Engineering (Electronics and Communication); BTEC National Certificate in Science; Brickwork Short Course; Plumbing Short Course; Carpentry Short Course; City and Guilds 834 Brickwork, Blocklaying and Concreting dan City and Guilds 165 Welding and Fabrication.

Borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati dari sekarang daripada Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan dikembalikan tidak lewat pada 20 Januari, 1987.

KURSUS

BTEC National Diploma Engineering (Electronics and Communication)

BTEC National Certificate in Science

Brickwork Short Course

Plumbing Short Course

Carpentry Short Course

City and Guilds 834 Brickwork, Blocklaying and concreting

City and Guilds 165 Welding and Fabrication.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 4 mata pelajaran peringkat 'O' termasuk Mathematics, English, Science atau setaraf dengannya

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 2 mata pelajaran peringkat 'O' atau yang setaraf dengannya. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Mathematics, Sains dan boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan baik

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

Sekurang-kurangnya lulus BJCE. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan dalam mata pelajaran Mathematics dan Science

— sda —

TEMPOH KURSUS

2½ tahun

2½ tahun

1½ tahun

1½ tahun

1½ tahun

2½ tahun

1½ tahun

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT KUASA PESAKA TEMB/2/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dy Alifah binti Abdullah @ Gading Anak Labang kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Baji Anak Ngindang @ Mohd Basri bin Abdullah yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 3 Februari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Disember, 1986.

No. 6/1979

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Jumat bin Nasar, No. 321, Kg. Burong Lepas, Jalan Bengkurong, Masin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Damit bin Jaludin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 27 Januari, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Disember, 1986.

No. 21/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Abd Hamid bin Haji Mat Yassin, No. 34, Kg. Lubok Pulau, Tutong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Mat Yassin bin Abdullah yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 3 Februari, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Disember, 1986.

No. 199/1985

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Lawyah bte Haji Musa, No. 6, Kg. Limau Manis kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Abd Majid bin Talip yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan

didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 27 Januari, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Disember, 1986.

No. 215/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajjah Sani binti Sulaiman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Am-pal bin Othman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 27 Januari, 1987 jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Disember, 1986.

No. 227/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Foo Ah Lan @ Foo Siew Lan, No. 2143, Jalan Jerambak, Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Chin Muk Shim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussa-

lam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 Januari, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Disember, 1986.

No. 233/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Mantal bin Barudin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Barudin bin Dolleh yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 20 Januari, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Disember, 1986.

No. 244/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ali bin Haji Asmat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Asmat bin Abdullah yang telah

meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 3 Februari, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati

itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 22 Disember, 1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/324/1986

Tajuk kerja: TEMPORARY TELECOM EXCHANGE FOR KAMPONG AYER, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987 (hari Rabu).

Cengkeram: \$200.00.

Jam: 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL.: PPL/MTB/323/1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Pemunggaan atau Pengangkutan yang berdaftar sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 14 Januari, 1987 bagi kerja-kerja berikut:—

PENGANGKUTAN BARANG-BARANG ATAU PERKAKAS ELEKTRIK DARIPADA PELABUHAN MUARA KE STOR ELEKTRIK GADONG BAGI TEMPOH SETAHUN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PEGAWAI PERHUTANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai PEGAWAI PERHUTANAN di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 055 05 — 374

Tanggagaji:
B2 — \$2270-\$3760 sebulan atau
B2 EB3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan:
a) ijazah dalam bidang Perhutanan atau yang

berkaitan yang sebanding dengannya.

ii) Pengalaman dalam 'Silviculture' penyelidikan, perindustrian hutan atau apa juga yang berkaitan dengan perhutanan.

ATAU

b) i) Higher National Diploma (HND) dalam bidang perhutanan atau yang berkaitan sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun sebagai Penolong Perhutanan.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan di Jabatan Perhutanan tidak kurang dari 20 tahun termasuk 5 tahun sebagai Penolong Perhutanan.

Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma,

elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa outi awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 22 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 159/1986).

(E/761/85)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menyewa dan menguruskan kantin-kantin dengan syarat-syarat seperti berikut:—

- KANTIN STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH
- KANTIN KOMPLEKS SUKAN MUMONG, KUALA BELAIT.

1. Tawaran ini adalah untuk tempoh satu tahun buat peringkat awal, akan tetapi jika didapati perkhidmatan memuaskan maka kontrak untuk tahun berikutnya akan diper-timbangkan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh kontrak berakhir di mana pihak penyewa hendaklah menghadapkan permohonan secara bertulis.

2. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki untuk menyediakan makanan, dan minuman seperti yang terkandung dalam borang tawaran.

3. Pemohon-pemohon hendaklah bersedia memberikan khidmat layanan seperti berikut:—

- Khidmat melalui pelayan di kantin (waiter service type);
- Kaunter layan sendiri kantin (self-service counter);
- Khidmat pesanan melalui pelayan menghantar ke Bilik-Bilik Mesyuarat.

4. Perkhidmatan hendaklah dilakukan pada jam 7.30 pagi hingga 9.00 malam pada tiap-tiap hari.

5. Pemohon yang berjaya sama sekali tidak dibenarkan menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenaran akan dibatalkan.

6. Pemohon-pemohon yang berjaya adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan dan keselamatan termasuk kawasan serta alat-alat perkakas kantin dan juga memastikan bahawa semua bahan-bahan dan makanan adalah halal mengikut hukum Islam.

7. Pemohon-pemohon yang berjaya hendaklah menyediakan bilangan pelayan-pelayan yang cukup sekurang-kurangnya dapat menampung dalam tiga perkhidmatan seperti disebutkan di (3) dan mereka ini hendaklah berpakaian SERAGAM dengan mempunyai LENCANA NAMA serta sentiasa hormat kepada pelanggan.

8. Pemohon-pemohon hendaklah membayar wang cagaran (deposit) sebanyak \$250.00 bagi sebuah kantin dan wang (deposit) ini akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

9. Borang tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada masa bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi.

10. Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan lengkap seperti Lesen Perniagaan dan pengalaman-pengalaman yang telah lalu dan juga senaraikan barang-barang makanan, minuman dan jenis-jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

11. Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

TENDER KANTIN STADIUM NEGARA

HASSANAL BOLKIAH

JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN

ATAU

TENDER KANTIN KOMPLEKS SUKAN MUMONG,

KUALA BELAIT,

JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN.

12. Permohonan akan ditutup tidak lewat 12.00 tengah hari, hari Isnin 12 Januari, 1987.

13. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

TAWARAN JABATAN PASUKAN BOMBA

Bil: 7/1986

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari Isnin 12 Januari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi kerja-kerja berikut:—

"RAWATAN DAN PEMELIHARAAN ALAT-ALAT 'COMPRESSOR' BAGI ALAT-ALAT PERNAFASAN UNTUK TEMPORAL DUA TAHUN."

2. Dokumen tawaran penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pmk. Pegawai Tular Kanan, Ibu Pejabat Pasukan Bomba Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan cagaran tawaran \$300.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan "Tawaran Bagi Kerja-Kerja Rawatan dan Pemeliharaan Alat-Alat 'Compressor' Bagi Alat-Alat Pernafasan Untuk Temporal Dua Tahun," tanpa menunjukkan identiti pemohon dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

4. Tawaran-tawaran yang lewat sampai selepas tarikh yang tersebut di atas tidak akan diterima.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau tawaran yang tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 2 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL. 1/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED

- | | |
|---------------------------|-----------------|
| (a) Size: 1" Diameter | — 2,000 Lengths |
| (b) Size: 1 1/2" Diameter | — 600 " |
| (c) Size: 2" Diameter | — 6,000 " |
| (d) Size: 3" Diameter | — 2,000 " |

TAWARAN BIL. 2/1987

- | | |
|--|------------|
| (a) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y98 Yokohama or Equivalent | — 250 Nos. |
| (b) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y20 Yokohama or Equivalent | — 300 " |

TAWARAN BIL. 3/1987

MELAMINE WARE

- | | |
|---|---------------|
| 1. Cup, Capacity: 8 ozs. Colour: 1704/White | — 25,000 Nos. |
| 2. Saucer 6" Colour: 1106A/White | — 25,000 Nos. |

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	7.1.1987	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	7.1.1987	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	7.1.1987	Rabu	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Batu Marang	7.1.1987	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	8.1.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	8.1.1987	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar Penjara Jerudong	10.1.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Mulaut	10.1.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Birau	10.1.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kiudang	10.1.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Lamunin	10.1.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	10.1.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Kiarong	12.1.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	12.1.1987	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	12.1.1987	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas	13.1.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Agama Haji Md Jaafar Kampong Kiulap	13.1.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Kampong Mata-Mata Gadong	13.1.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	13.1.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
			4.30- 5.00 "

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 31 Disember, 1986.

BANDAR SERI BEGAWAN

- KACANG KUDA sekati \$1.10.
 - Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.
- ASAM JAWA (Cap Bunga) sebungkus 50 sen.
 - Kedai Syarikat Haji Abd Rahman 94, Jalan Pemancha.
- BAWANG BESAR sekati 75 sen.
 - Kedai Kim Seng Choon 6 Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

- KACANG KUDA sekati \$1.30.
 - Kedai Yick Guan 3, Jalan Pretty.
- ASAM JAWA (Cap Bunga) sebungkus 50 sen.

- Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
- Kedai Yick Guan 3, Jalan Pretty.

- BAWANG BESAR sekati \$1.00.

- Kedai Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.

SERIA

- KACANG KUDA sekati \$1.30.
 - Kedai Foo Hap Shing 20, Jalan Sultan Omarali.

- ASAM JAWA (Cap Bunga) sebungkus 50 sen.

- Kedai Haji C. A. Mohammad 51, Jalan Bunga Kuning.

- BAWANG BESAR sekati \$1.00.

- Kedai Foo Hap Shing 20, Jalan Sultan Omarali.

Rombongan Pencak Silat Indonesia lawat Pusat Sejarah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 16 orang yang terdiri dari ahli-ahli rombongan Bengkel Olahraga Pencak Silat Indonesia yang mengadakan lawatan ke negara ini, telah membuat kunjungan singkat ke Pejabat Pusat Sejarah Brunei baru-baru ini.

Rombongan tersebut telah dialu-alukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei; Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pusat Sejarah dan pegawai-pegawai kanan di jabatan tersebut, bertempat di Bilik Persidangan Pusat Sejarah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Dimuliakan Pehin, antara lain telah menerangkan peranan Pusat Sejarah Brunei dan tujuan penubuhannya yang merangkumi segala aspek penyelidikan sejarah Brunei, mengumpul dan menyimpan bahan-bahan sejarah Brunei dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya sebagai bahan kajian, rujukan dan dibukukan.

Berhubung dengan sejarah awal Brunei, secara ringkas Yang Dimuliakan Pehin menerangkan bahawa Brunei adalah salah sebuah negara yang tertua di rantau ini. Mengikut riwayat Tiongkok (China), Brunei dikenali sebagai Polo, Puli atau Puni. Kedudukannya yang baik dan strategik menjadikannya terkenal sebagai tempat peraluan bagi ahli-ahli pelayaran atau pedagang-pedagang Arab, China, India dan Jawa yang sering berulang-alik di antara negara mereka dengan negeri-negeri yang di dalam lingkungan kawasan itu sejak dari sebelum kurun Masihi ke-VI.

Yang Dimuliakan Pehin juga menjelaskan bahawa perhubungan Brunei dengan China telah lama terjalin. Dalam Tahun Masihi 517, 522, 616, 630 dan 699, Brunei yang pada masa itu dinamakan 'Puni' telah pernah menghantar utusan ke China, kemudian setelah beberapa lama hubungan itu terputus, pada tahun Masihi 977, Raja Puni menghantar lagi utusan ke negeri China diketuai oleh Pu Ya Lee (Abu Ali) untuk mengadap Maharaja T'ai-Tsung (dalam zaman Dinasti Sung, T.M. 960-1279) dengan membawa barang-barang persembahan yang berharga termasuk barang-barang hasil negeri. Selepas lawatan Pu Ya Lee itu hubungan Brunei-China terus-menerus terjalin dengan baiknya sehingga ke tahun Masihi 1425, terutama dalam tahun-tahun Masihi 1405-1410.

Begitu juga perhubungan Brunei dengan Jawa, kata Yang Dimuliakan Pehin lagi, ianya lama terjalin sejak Sultan Muhammad Shah memerintah Brunei. Brunei pada masa itu telah takluk di bawah Kerajaan Majapahit, tetapi sesudah Patek Aria Gajah Mada yang memerintah

Majapahit pada masa itu meninggal dunia pada tahun Masihi 1368, barulah Sultan Muhammad Shah mengistiharkan kemerdekaan,

tetapi walau bagaimanapun hubungan antara kedua buah negara ini tetap baik.

Di akhir lawatan, Yang

Dimuliakan Pehin telah memberikan cenderamata kepada ketua rombongan tersebut sebagai kenang-kenangan.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, ketika memberikan taklimat kepada rombongan pelawat yang terdiri dari ahli-ahli Bengkel Olahraga Pencak Silat Indonesia, bertempat di Bilik Persidangan, Pusat Sejarah Brunei. — Gambar ihsan Pusat Sejarah.

BAFA sumbang derma kepada tiga buah tabung



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim

BELIA & SUKAN



PEMANGKU Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad ketika menerima sumbangan derma dari Persatuan Bola Sepak Amatur Negara Brunei Darussalam (BAFA) yang disampaikan oleh Pemangku Yang Dipertua BAFA, Pengiran Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

BERAKAS. — Tiga buah tabung iaitu Tabung Orang-Orang Cacat, Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah menerima sumbangan derma berjumlah \$9,922.50 dari Persatuan Bola Sepak Amatur Negara Brunei Darussalam (BAFA).

Setiap tabung berkenaan menerima sejumlah \$3307.50. Derma yang berupa cek itu telah disampaikan oleh Pemangku Yang Dipertua BAFA, Pengiran Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abbas kepada Pemangku Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad.

Majlis penyampaian derma tersebut telah berlangsung di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di sini pada 30 Disember yang lalu.

Menurut jurucakap persatuan itu sumbangan derma itu adalah sebahagian daripada kutipan jualan tiket-tiket perlawanan bola sepak Piala Malaysia yang telah diadakan tahun lalu.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan.

Kegiatan sukan di sana sini

Bateri Pertahanan Udara juara squash ABDB

BATERI Pertahanan Udara telah muncul sebagai juara bagi unit kecil sementara Kompeni Markas juara bahagian unit besar dalam perlawanan akhir squash antara unit kecil dan besar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Perlawanan tersebut telah berlangsung di gelanggang Squash Tentera Laut di Muara pada 31 Disember 1986 yang lalu.

Sejumlah 12 buah unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengambil bahagian dalam kejohanan yang diadakan selama dua hari itu.

Hadiah-hadiah di akhir perlawanan telah disampaikan oleh Letenan Kolonel Mohd. Noh bin Abd. Hamid, Pemerintah Tentera Laut ABDB.

Kejohanan itu adalah merupakan projek tahunan ABDB yang bertujuan untuk memupuk semangat sukan di kalangan anggotanya di samping untuk memperkenalkan dan meningkatkan sukan tersebut.

Klinik latihan tenis bagi kanak sekolah

JABATAN Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usahanya untuk meningkatkan mutu permainan tenis di negara ini akan mengadakan klinik latihan tenis bagi kanak-kanak sekolah yang berumur 18 tahun ke bawah di Daerah Belait sahaja.

Menurut pihak penganjur, latihan tersebut akan diadakan pada setiap hari Sabtu.

Mereka yang berminat untuk menyertai latihan itu bolehlah mendaftarkan diri di Kompleks Sukan Mumong bagi mendapatkan butir-butir lanjut mengenai latihan tersebut.

Perlawanan badminton Hari Kebangsaan

PERSATUAN Pakatan Sang Jati Dusun akan menganjurkan perlawanan badminton sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Negara kita akan menyambut ulang tahun ketiga Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1987.

Menurut jurucakap persatuan itu, perlawanan itu hanya terbuka kepada ahli-ahli persatuan itu sahaja.

Borang-borang dan keterangan lanjut mengenai perlawanan itu boleh diperolehi dari pihak penganjur bila-bila masa dan tarikh akhir menghantar borang penyertaan ialah pada hari Ahad 18 Januari depan.

Kejohanan Olahraga ITB kali pertama

INSTITUT Teknologi Brunei (ITB) telah mengadakan Kejohanan Olahraga kali pertama yang telah berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas pada 21 Disember 1986 yang lalu.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Awang Haji Abd. Razak bin Haji Muhammad.

Perlawanan badminton Jabatan Pertanian

PERLAWANAN akhir ping pong bagi kakitangan Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan telah dilangsungkan di Dewan Muhibbah, Pejabat Daerah Brunei dan Muara di Berakas pada 30 Disember yang lalu.

Awang Haji Danan telah muncul sebagai juara dalam bahagian perseorangan setelah menewaskan Awang Mohammad Sufri.

Sementara dalam bahagian berpasukan, Bahagian Latihan telah muncul sebagai juara.

Kejohanan tersebut adalah merupakan projek tahunan jabatan tersebut bagi merebut piala sumbangan Dato Paduka Awang Daniel bin Haji Hanafiah, Pengarah Jabatan Pertanian.

Pengorekan di tepi jalan perlu dapat kebenaran

TUTONG. — Kementerian Pembangunan telah pun mengambil alih penyelarasan terhadap dan kebenaran untuk kerja-kerja pengorekan baik di tepi-tepi jalan atau di tengah-tengah jalan sebagai salah satu langkah awal dalam menjamin dan memastikan kualiti dalam kedua-dua aspek pembinaan dan pemeliharaan jalan raya.

Berkata demikian ketika berucap sejurus sebelum membuka rasmi Lebuhraya Muara-Tutong pada 31 Disember lepas, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail menegaskan, dengan itu mana-mana jua yang mengusahakan pengorekan di tepi-tepi atau di tengah-tengah jalan hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada kementerian tersebut.

Yang Berhormat itu seterusnya menegaskan, pihak Jabatan Kerja Raya selain itu juga telah memulakan Skim Rondaan bagi mengawal kebersihan dan keselamatan, dan membaiki kerosakan-kerosakan kecil-kecilan di jalan raya dengan serta merta.


"Dengan usaha-usaha ini kita berharap, penyelarasan yang erat dari semua pihak akan dapat dipastikan dan langkah ini diharap akan menjamin supaya kualiti yang dimaksudkan akan dapat dinikmati serta tujuan jangka panjang penggunaan jalan raya yang bukan saja semata-mata sebagai alat penghubung, malah juga untuk menjamin dan memberikan keselamatan dalam memandu akan dapat dicapai," katanya.

Menteri Pembangunan itu menekankan, kualiti dalam pemeliharaan jalan raya antara lain termasuklah memastikan bahawa jalan raya sentiasa tidak berlubang atau pecah, tidak berombak-ombak permukaannya, rumput dan 'shoulder' jalan raya tidak panjang dan lecek, papan-papan tanda teratur dan kemas, terkawal rapi dan tidak terdapat papan-papan tanda haram, serta jalan raya jauh dari kekotoran seperti bangkai-bangkai binatang, tin-tin kosong, sampah-sampah sarap dan tanah di tepi-tepi jalan ditanam dengan pokok-pokok kayu serta pemecahan jalan untuk menanam kabel dan paip air tidak akan dibuat sewenang-wenangnya.

Menteri Pembangunan terdahulu dari itu berkata, pembinaan jalan raya di negara kita adalah salah satu tanggungjawab besar yang diungayahkan oleh Kementerian Pembangunan dengan satu matlamat penting iaitu bagi menyediakan

rangkaian jalan raya yang efisien lagi efektif.

Pembinaan tersebut, menurutnya, tidak saja dipusatkan di bandar-bandar malahan langkah positif telah pun dan akan sentiasa diusahakan dalam membina dan meningkatkan jalan raya di luar-luar bandar, dan sentiasa dikemaskinikan demi untuk meningkatkan lagi tahap ekonomi penduduk dan rakyat negara kita.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Atty A. Abuquin. — Gambar oleh Harun Rashid.

Duta Besar Republik Filipina diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama, Tuan Atty Eusebio A. Abuquin pada 29 Disember lepas.

Tuan Yang Terutama, Tuan Atty Eusebio A. Abuquin telah menyebarkan watak perantaraan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 16 Disember lalu di istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Dari muka I

dalam atau dari perairan Brunei hendaklah sama ada didaftarkan atau dilesen. Peruntukan ini telah berkuatkuasa mulai 1 September, 1984," jelasnya.

Menurut Awang Haji Ahmad lagi, denda jika sabit kesalahan menggunakan kapal yang tidak berdaftar atau berlesen ialah tidak lebih \$2,000.00 dan kapal tersebut boleh dirampas.

Selain dari itu katanya, Peraturan-Peraturan Perkapalan Pedagang (Kapal Pelabuhan dan Pelesenan) 1986 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1986 telah juga mengehendaki semua kapal-kapal yang digunakan di dalam kawasan pelabuhan untuk dilesenkan dan jika sabit kesalahan dendanya ialah tidak lebih \$2,000.00 dan \$50.00 sehari jika kesalahan ini dilakukan setelah sabit kesalahan.

Pemilik-pemilik kapal bolehlah menghubungi Pejabat-Pejabat Perkapalan, Jabatan Laut di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Muara bagi maksud melesen kapal-kapal mereka.

Sebelum pembinaan jalan raya dilakukan:

Kerja-kerja teknikal hendaklah dipastikan

Oleh: Aisah Plee

TUTONG. — Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail berkata, pihak jurutera-jurutera tempatan dan jurutera-jurutera perunding hendaklah memastikan bahawa kajian-kajian teknikal yang teliti telah dilakukan sebelum pembinaan jalan raya dimulakan bagi memastikan mutu jalan raya yang akan dibina sentiasa bertaraf tinggi di segi keselamatan dan keselamatan para pengguna.

Yang Berhormat itu berkata, selain itu mereka dan pemborong-pemborong yang berkenaan juga perlu memastikan perkhidmatan perkhidmatan pembinaan yang diperlukan mencukupi dan teratur, menggunakan bahan-bahan binaan mengikut stastikasi yang telah ditentukan, dan pekerja-pekerja yang diambil bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut adalah berkemahiran dan memahami faktor-faktor yang dikehendaki.

Menegaskan demikian ketika berucap di Upacara Pembukaan Rasmi Lebuhraya Muara-Tutong yang diadakan di Persimpangan di

Penanjong di sini pada 31 Disember lepas, Yang Berhormat itu menambah, satu lagi perkara penting yang perlu diambil kira ialah mengadakan kawalan mutu atau 'Quality Control Assurance' dan penyelarasan yang rapi semasa pembinaan.

Bekerjasama

"Ke arah ini saya berseru kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu jurutera-jurutera, baik yang di Jabatan Kerja Raya mahupun jurutera-jurutera perunding dan juga pemborong-pemborong yang terlibat akan sentiasa bekerjasama dan bersatu padu dalam menghasilkan kerja-kerja yang bermutu ini," tegas Yang Berhormat.

Menteri Pembangunan sebelum itu berkata, dua aspek penting dalam membuat penilaian mengenai mutu jalan raya ialah pertama, kualiti dalam pembinaan jalan raya dan kedua, kualiti dalam pemeliharaannya.

Kualiti dalam pembinaan yang dimaksudkan di sini antara lain ialah jalan raya tersebut tidak berombak-ombak permukaannya apabila pembinaan selesai, rumput di lereng-lereng bukit dan 'shoulder' di jalan raya tersebut berkeadaan baik dan mempunyai landscape yang baik, serta aspek-aspek keselamatan, pengawalan alam sekitar dan papan-papan tanda disusun dan diambil kira dengan rapi.

Kajian Teknikal

"Bagi mencapai hasrat tersebut, pihak jurutera-

jurutera tempatan, jurutera-jurutera perunding yang terlibat dalam membuat perancangan jalan raya hendaklah memastikan bahawa kajian-kajian teknikal yang teliti hendaklah dilakukan sebelum pembinaan dimulakan," tegas Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail seterusnya menegaskan, kita menghadapi masalah-masalah teknikal yang tertentu yang disebabkan oleh keadaan bumi yang banyak mempunyai lumpur.

Menurutnya, masalah-masalah yang dikenal pasti antara lain termasuklah keadaan bumi yang tidak stabil yang mengakibatkan jalan raya berombak, masalah pemeliharaan jalan raya yang belum lagi begitu berkesan, masalah kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan teknikal yang mahir.

Bagaimanapun, katanya, masalah tersebut sepatutnya tidak dianggap sebagai satu 'limitation' kepada kita untuk terus berkembang.



KEADAAN cuaca di kebanyakan masa untuk minggu ini, hujan berlaku di luar pantai pada awal pagi dan di beberapa tempat pada tengah hari.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail, Menteri Pembangunan ketika membuka tirai sebagai menandakan pembukaan rasmi Lebuhraya Muara-Tutong. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Para belia boleh diiktiraf sebagai satu pelaburan

BERAKAS. — Awang Chua Pheng Siong, Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi menekankan para belia boleh diiktiraf sebagai satu pelaburan atau penanaman modal yang seperti juga jenis pelaburan-pelaburan yang lainnya ianya mempunyai risiko yang belum tentu untung ruginya.

"Ini terpujalah bagaimana pembentukan dan pembenaan belia dari segi pemikiran dan kreativiti, ilmu pengetahuan, kesedaran beragama dan juga kesihatan para belia itu sendiri," katanya sewaktu membentangkan kertas kerja yang bertajuk Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 serta Penglibatan Para Belia.

Kertas kerja ini disampaikan dalam Seminar Pembangunan Ke Arah Koperasi Belia yang dianjurkan bersama oleh Majlis Belia Brunei dengan Jabatan Kemajuan Perusahaan baru-baru ini.

Potensi atau pelaburan belia akan dapat dimanfaatkan, kata Awang Chua Pheng Siong, jika sumber-sumber ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan sepenuhnya. Hasil atau end-productnya kelak ialah wujudnya sebuah masyarakat yang bekerjasama, berdisiplin, berundang-undang, berpelajaran dan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang bertanggungjawab.

Katanya, dalam pada itu penglibatan yang negatif atau tidak sihat dari akibat pengangguran atau masa terluang yang disia-siakan akan mendedahkan para belia kepada pelbagai cabaran zaman seperti sikap merosakan harta benda awam, dan penyalahgunaan dadah. Ini bukan sahaja merugikan masyarakat tetapi juga akan mengakibatkan kehilangan hasil pendapatan negara yang sepatutnya diperolehi dari penyertaan aktif dalam bidang ekonomi.

Belia menyeru para belia agar memupuk kesedaran dan mempersiapkan diri dalam membentuk nilai-nilai positif dan asas yang teguh supaya nanti terbena masyarakat yang sihat. Seruan untuk "merebut peluang dan mempergunakan masa muda sebelum tua" adalah paling relevan dalam konteks ini.

Setiap Rancangan Kemajuan Negara melalui pelaburan dan projek-projek kerajaan memberi peluang bagi para belia, kata Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi, melibatkan diri secara aktif sebagai tenaga kerja atau pelaksana projek-projek yang diluluskan. Dari itu proses penglibatan para belia seperti juga halnya dengan Rancangan Kemajuan Negara adalah proses yang berterusan atau penglibatan setiap masa melalui inisiatif dan kesedaran para belia itu sendiri.

Oleh Haniza Abdullah

Kesedaran ini telah pun dimanfaatkan dalam berbagai pertubuhan syarikat-syarikat kerjasama melalui kedai iktisad dan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan.

Pasaran harga minyak yang tidak menentu turut menjejaskan hasil pendapatan negara kerananya, kata Awang Chua Pheng Siong, penglibatan dalam sektor perdagangan haruslah ditingkatkan sementara sektor pertanian dan sektor perusahaan terutamanya diterokai seperti yang dihasratkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-5.

Beliau juga menyebut tentang tiga haluan dasar yang berkait dengan sumber tenaga manusia bagi mencapai matlamat Rancangan Kemajuan Negara ke-5.

* Melaksanakan dasar pe-

kerjaan yang bersesuaian dalam sektor kerajaan.

* Mempercepatkan kemajuan sumber-sumber tenaga manusia terutamanya dalam bidang pelajaran peringkat tinggi, teknikal dan vokasional.

* Mewujudkan penglibatan tegas dalam memperbaiki keadaan asas dan juga penyertaan kerajaan serta sektor swasta bagi memajukan perusahaan-perusahaan baru, termasuk memajukan kemahiran usahawan-usahawan rakyat Melayu.

"Pencapaian matlamat satu-satu Rancangan Kemajuan Negara itu tergantung bukan sahaja kepada penyertaan semata-mata malah penggunaan sepenuhnya dan sebaik-baiknya tenaga rakyat, terutama para belia negara itu sendiri," kata Awang Chua Pheng Siong di hadapan lebih 100 orang belia yang menyertai seminar itu.



BELIA & SUKAN

Tiga perkara utama ke arah memajukan belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin menekankan tiga perkara utama ke arah memajukan belia.

Katanya kepimpinan yang tidak meragukan, sokongan sepenuhnya daripada ahli dan kedudukan kewangan yang kukuh adalah merupakan faktor utama ke arah memajukan sesebuah persatuan itu.

Di samping itu beliau juga menyentuh tentang keaktifan pergerakan belia tahun 60an. Menurut pergerakan persatuan belia ketika itu berjalan baik dan aktif. Keadaan seperti itu perlu diwujudkan sekarang, katanya.

Bercakap ketika merasmikan mesyuarat agung ke-19 Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kampong Sultan Lama — PAPP yang berlangsung di Pusat Belia di sini Khamis lepas.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin, ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung ke-19 PAPP.

PAPP ditubuhkan pada tahun 1961 dan kini mempunyai keramaian ahli lebih 100 orang.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Dawd ketika menyampaikan manik kayu (Wood Badge) kepada salah seorang peserta kursus. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

30 pemimpin pengakap sertai Kursus Kepimpinan Manik Kayu

GADONG. — Satu majlis ramah mesra antara Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dengan Pemimpin-pemimpin Pengakap yang menyertai Kursus Kepimpinan Manik Kayu telah berlangsung di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap di sini 30 Disember lepas.

Majlis itu adalah sebahagian daripada aturcara kursus kepimpinan manik

kayu bagi 30 orang pemimpin-pemimpin pengakap seluruh negara yang dianjurkan oleh Pasukan Latihan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bermula pada 25 Disember hingga 2 Januari lepas.

Di majlis itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, berpeluang beramah mesra bukan sahaja dengan pemimpin-pemimpin kebangsaan tetapi juga dengan ahli-ahli bawahan bagi membincangkan masalah-masalah yang terdapat seperti masalah kemun-

duran dan lain-lain masalah.

Kursus selama enam hari itu adalah merupakan latihan yang tertinggi untuk mendapatkan 2 manik kayu di samping membolehkan pemimpin-pemimpin berkenaan menghadiri kursus yang lebih tinggi bertaraf antarabangsa.

Sejak persekutuan itu ditubuhkan dalam tahun 1935 ianya telah mempunyai keramaian ahli 2,800 orang. Dari keramaian itu hanya enam orang pemimpin telah mendapat empat manik kayu sementara itu lapan orang lagi mendapat tiga manik kayu, yang diiktiraf dari Persatuan Pengakap seluruh dunia yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland sebagai pemimpin yang berkebolehan.

Kursus itu adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pemimpin atau untuk menjadi seorang pemimpin yang berkelibair dari segi pentadbiran pasukannya dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang diajar dalam kursus.

PPNBD terbitkan empat buah buku

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) pertama kalinya telah berjaya menerbitkan empat buah buku. Sebuah buku diberi nama DASAR PERTUBUHAN DAN ATURAN PERSEKUTUAN PENGAKAP NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dalam dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris.

Buku ini mengandungi peraturan-peraturan mengenai prinsip dan dasar, pertubuhan kebangsaan, waran dan sijil, pertubuhan daerah, pertubuhan kumpulan, upacara dan kegiatan, pakaian seragam, lambang dan lencana, bintang-bintang, pingat-pingat dan anugerah-anugerah, latihan pemimpin dewasa, lencana-lencana dan anugerah latihan.

Manakala tiga buah buku lagi ialah Buku Kemajuan Pengakap Serigala, Buku Kemajuan Pengakap dan Buku Rekod Pengakap Venture. Ketiga-tiga buku ini juga diterbitkan dalam dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.

Ketua Pesuruhjaya Eksekutif PPNBD, Awang Haji Mohd Hassan bin Haji Awang Timbang menyatakan bahawa keempat buah buku

tersebut adalah dijual kepada semua ahli dan orang ramai dan boleh didapati dari Kedai Pengakap. Bangunan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Batu 4 Jalan Gadong, Brunei Darussalam.



BEGINILAH bentuk keempat buah buku yang diterbitkan oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BIL: JKR 463 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD506/1201
SEKOLAH MENENGAH SUNGAI AKAR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 26 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$10,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 464 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD501/1401
KERJA-KERJA PEMBESARAN KOMPLEKS BAJA
PENYEMBUKAN, KAMPONG JERUDONG, NE-
GARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 12 Januari, 1987

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 465 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/00500
KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT SERTA
MEMBUANG SAMPAH DI SEPANJANG JALAN-
JALAN YANG DIPILIH DI KAWASAN "A" DAE-
RAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DA-
RUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 12 Januari, 1987

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 466 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AR/00500
KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT SERTA
MEMBUANG SAMPAH DI SEPANJANG JALAN-
JALAN YANG DIPILIH DI KAWASAN "B" DAE-
RAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DA-
RUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 12 Januari, 1987

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 467 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009166
PEMBINAAN BUMBUNG BERGERUN BAHARU
DI 2 BLOK FLAT KELAS "E" JALAN MALA-
BAU BAHARU DAN DI 3 BLOK KELAS "E"
JALAN ONG SUM PING, BANDAR SERI BEGA-
WAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 12 Januari, 1987

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 468 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD/506/25
PEMBINAAN DUA TINGKAT BILIK DARJAH
UNTUK SEKOLAH UGAMA MUTAWAKILLAH
HAYATUL BOLKIAH, BERAKAS, NEGARA BRU-
NEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 8 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 12 Januari, 1987

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 469 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR407/0502
PENYELIDIKAN TANAH BAGI PESISIR JALAN
MUARA KE BAHAGIAN JERUDONG, LALUAN
JALAN KEDUA, NEGARA BRUNEI DARUSA-
LAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di-hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 470 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: AW516/0400
MEMBEKAL DAN MEMASANG PUMPSETS DAN
KERJA-KERJA MEKANIKAL DAN KEJURU-
TERAAN BAGI SKIM PEMBETUNGAN, PERING-
KAT II, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSA-
LAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 21 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 471 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrikal dan Kelas "B" ke atas untuk:

PROJEK No.: AD425/1301
PEMASANGAN ELEKTRIK — BAGI KOMPUTER
SUITE, PENYIMPANAN LOGISTIK, PERING-
KAT II, BOLKIAH KEM, NEGARA BRUNEI DA-
RUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 21 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 472 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin dan Kelas "B" ke atas untuk:

PROJEK No.: AD425/1304
PEMASANGAN HAWA DINGIN ATAU PENYE-
JUK UDARA BAGI KOMPUTER SUITE DI
PENYIMPANAN LOGISTIK, PERINGKAT II,
BOLKIAH KEM, NEGARA BRUNEI DARUSSA-
LAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 17 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 21 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 473 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: AR507/2100
MEMBEKAL SATU (1) UNIT MESIN PENG-
GALI LONG RANGE HYDRAULIC, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: JKR 474 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AW/01800
MEMBEKAL HOS AEROQUIP DAN ALAT-ALAT
PEMASANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama,

Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 475 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009160
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELU-
RUHAN BANGUNAN DI KOLAM RENANG
ANGGEREK DESA, NEGARA BRUNEI DARU-
SSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 476 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009163
MEMBAIKI KESELURUHAN BAGI ASRAMA
LELAKI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM,
GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 477 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009164
MEMBAIKI DAN MENCAT KESELURUHAN
BANGUNAN MASJID PADUKA SERI BEGAWAN
SULTAN KAMPONG KATIMAHAR, JALAN TU-
TONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 478 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009131
KERJA-KERJA MEMBAIKI SALURAN PAIP AIR
KOTOR DAN MEMBAIKKAN AM DI INSTITUT
PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH,
GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 479 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009154
MEMBEKAL DAN MEMASANG PAGAR KESE-
LAMATAN DAN MENGGIGIKAN PAGAR KAWA-
SAN DI PEJABAT ANTI-DADAH, JALAN SUM-
BILING, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 10 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 14 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00.

BIL: JKR 1 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU
BESAR TEMPATAN DI JABATAN KERJA RAYA,
KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-
MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 19 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 2 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009165
MEMBAIKI DAN MENCAT 2 BLOK GUDANG
DAN 2 BLOK BANGUNAN KESELAMATAN DI
PELABUHAN MUARA, NEGARA BRUNEI DA-
RUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 19 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

SEBAGAI PEGAWAI LUAR

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

- b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

- c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan dalam merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU (Bilangan Kod: 066 98-503)

(Di Jabatan Lembaga Bandar Kuala Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun serta boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

- b) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

4. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I (Bilangan Kod: 022 98-163)

(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-790 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun serta boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.
- b) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Outboard Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.

- c) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik serta lulus peperiksaan mata. Hendaklah pandai berenang.

- d) Boleh memperbaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk

bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan

permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 5 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 161/1986.

(E/110/73)

Sebagai Pegawai Jururawat

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PEGAWAI JURURAWAT (PERBIDANAN) di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 062 07-311

Tanggagaji: M.11—\$1920-2015 2110 2205 2305 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

- a) Jururawat berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.

- b) Bidan bersijil Negara (SCM) atau yang sebanding dengannya.

- c) Diploma dalam Kursus Pengajar Perbidanan.

- d) Mempunyai pengalaman sebagai Pengajar Perbidanan tidak kurang dari 2 tahun selepas mendapat keijazatan dari Sekolah Perbidanan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

- e) Boleh mengajar dalam Bahasa Percakapan Melayu adalah satu kelebihan.

- f) Berumur di antara 35 hingga 50 tahun.

Tugas-tugas:

- i) Mengajar di bilik darjah dan klinik bagi bidan-bidan pelatih dalam Latihan Perbidanan Bahagian I dan II.

- ii) Menyediakan sukatan pelajaran dan jadual harian bagi Latihan Bidan-bidan Pelatih.

- iii) Menyusun penempatan Bidan-bidan Pelatih ke wad-wad dan daerah.

- iv) Boleh membuat penilaian dan laporan kemajuan ke atas Bidan-bidan Pelatih.

- v) Boleh mengantar pemeriksaan-pemeriksaan untuk pemeriksaan Kemajuan Perbidanan dan Peringkat akhir bagi bahagian I dan II.

- vi) Mengawas Sekolah Perbidanan jika dikehendaki dan berhubung dengan Pegawai Jururawat Kanan (Pengajar) yang mengawas Pusat Latihan Jururawat.

- vii) Sanggup membuat semua tugas dan tanggungjawab yang melibatkan Sekolah Perbidanan.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkon-

trak selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tamang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baki pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1987.

(E/328/61)

Bilangan Pendaftaran: 163/1986.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI LUAR KEMAJUAN PERUMAHAN di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 057 31-062

Tanggagaji: C.1-2 EB.3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Dua mata pelajaran Pengiktirafan Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja luar.

ATAU

- b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Kerani Tingkat III, Pegawai Luar atau jawatan yang berkaitan sebanding dengannya tidak kurang dari 7 tahun dengan tugas-tugas seperti berikut:

- * Membantu Pegawai Luar Kemajuan Perumahan membuat kerja-kerja Rancangan Perumahan.
- * Membantu Pegawai Luar Kemajuan Perumahan membuat kerja-kerja Perhubungan Awam.

- ii) Berpengalaman dan berkebolehan yang mendalam dalam kerja-kerja luar.

Am:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.

(E/191/78)

Bilangan Pendaftaran: 162/1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- (a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

- (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dibungkus dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di atas satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai penguculan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 1 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AX untuk:

PROJEK No.: 514/1401

PEMBINAAN 1 BLOK X 4 UNIT FLAT KELAS C DAN 1 BLOK X 12 UNIT BARIK KELAMIN PEJABAT PERHUTANAN, SUNGAI LIANG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 26 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN P 2173

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas "A", B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi Construction of Outside Plant for Land for Landless and Labour Lines Scheme—Seria.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Januari, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda: "Tender for Construction of Outside Plant for Land for Landless and Labour Lines Scheme—Seria: P 2173".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari opis Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan,

- Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dikehendaki bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Rabu 14 Januari, 1987 di Ibu-sawat Telekom, Seria. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

BERKHIDMATLAH KEPADA NEGARA

CEBURILAH KERJAYA TENTERA
SEBAGAI PEMIMPIN

*SATERIA GAGAH
HARAPAN NEGARA*



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Mempelawa pemohon-pemohon
untuk bakal-bakal pegawai
di Tentera Darat, Laut dan
Udara. Ketiga-tiga kerjaya ini
adalah sangat-sangat mencabar
bagi pemuda-pemuda yang
berkaliber dan berpengetahuan
tinggi



SYARAT-SYARATNYA

Untuk terpilih Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

1. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

a. Brunei	e. Dusun
b. Belait	f. Murut
c. Tutong	g. Bisaya
d. Kedayan	

2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 (empat) mata pelajaran Peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya, dan hendaklah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains, Fizik dan mata pelajaran akademik atau yang sebanding dengannya dan yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
3. Awang-Awang mestilah bujang, berumur $17\frac{1}{2}$ hingga 25 tahun pada 22 Januari, 1987.
4. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun, berbadan sihat.

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI KOMPENI ASKAR WANITA

SYARAT-SYARATNYA :

- a. Dayang-Dayang mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mestilah lulus 4 mata pelajaran Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya dan kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan. Dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Melayu.
- c. Dayang-Dayang mestilah masih bujang dan berumur antara $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 22 Januari, 1987.
- d. Tinggi sekurang-kurangnya 4 kaki 10 inci dan berbadan sihat, berat badan tidak kurang 98 paun.



BORANG-BORANG PERMOHONAN SERTA PENERANGAN LANJUT
BOLEH DIDAPATI DARIPADA :

PEJABAT PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH GARISON
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON : 30531 SAMB. 22111/22112

BORANG-BORANG PERMOHONAN AWANG-AWANG DAN DAYANG-
DAYANG MESTILAH DIHANTAR TIDAK LEWAT HARI KHAMIS 22
JANUARI 1987.

**KERJAYA TENTERA BUKAN
SAJA SALAH SATU
BIDANG KERJAYA YANG
MENJAMIN BAHKAN
MEMBERI SANJUNGAN
TERHADAP PERLINDUNGAN
DAN
KEDAULATAN NEGARA**

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

TEKAD TAHUN BARU 1987

TAHUN baru 1987, baru sahaja kita tem-
pohi beberapa hari yang
lalu. Kalau dilihat pada
pandangan mata kasar
perubahan tahun lama ke-
pada tahun baru, seakan-
akan sama sahaja sifatnya.
Kerana pertukaran masa
dan waktu itu adalah
suatu perkara lumrah da-
lam hidup manusia setiap
hari. Namun pada batin-
iahnya perubahan tahun
kepada tahun itu pula
mempunyai pengertian
yang tersendiri dan men-
dalam di dalam kehidupan
kita. Kerana setiap tahun
baru menjelang datang,
setiap kali itu pula manu-
sia akan memasang 'tekad'
dan 'aspirasi' barunya.

Tahun baru adalah me-
rupakan sukat-sukat atau-
pun perincian untuk me-
mulakan apa-apa rancang-
an dan juga persediaan-
persediaan dalam setiap
lapangan kehidupan. Ta-
hun baru itu juga adalah
merupakan asas budi bi-
cara setiap individu, bagi
mencorak-warnakan 1001
macam corak dalam hi-
dupnya. Begitu besar se-
kali pengertian saat-saat
bermulanya tahun baru
itu kepada setiap manusia.

Apakah pula persediaan
saudara semua pada tahun
baru 1987 ini? Tentu ber-
macam-macam tekad dan
aspirasi saudara bukan?
Namun matlamat saudara
masing-masing tetap sera-
gam dan satu hala, 'EX-
CELSIOR' — selalu me-
mandang dan menuju ke
atas. Semua manusia ma-
hu maju dan mahu berha-
sil dalam setiap hidup ini.
Awal tahun baru 1987
inilah masanya kita me-
masang tekad baru itu.

Tekad dan aspirasi ta-
hun baru 1987 tidak hanya
diharungi oleh manusia
sendiri, malahan apa-apa
juga organisasi, badan-ba-
dan, persatuan-persatuan,
hatta hingea negara sekali-
pun sentiasa mempunyai
azam dan tekad barunya.

Hal ini tidak terkecuali
dengan perkhidmatan Ra-
dio Brunei yang sudah

berbakti kepada masyara-
kat, negara dan ugama.

Dan, pada tahun 1987
ini pula 1001 macam lagi
azam dan aspirasi baru
akan ditempuhi.

Tetapi, di sebalik kegem-
biraan mengharungi keja-
yaaan Radio Brunei pada
tahun 1986 dan bersedia-
sedia pula untuk bekerja
bertungkus-lumus bagi
mencapai kejayaan yang
lebih gemilang pada tahun
1987 ini, Radio Brunei
sentiasa menoleh ke belak-
ang untuk mengenang
dan menghargai jasa bakti
yang pernah disumbang-
kan oleh ahli-ahli keluar-
ganya yang sudah tiada.
Mereka ini meninggalkan
Radio Brunei sama ada
bertukar ke jabatan lain
bersara ataupun sudah
meninggal dunia. Kepada
keluarga Radio Brunei
yang sudah meninggal
dunia tentu berakhlak
sudah hubungannya de-
ngan Radio Brunei.

Ya..... Radio Brunei
adalah satu keluarga besar
kepada kakitangan yang
ada. Kewujudan keluarga
Radio Brunei yang ada se-
karang ini adalah hasil
tunjuk ajar dari yang 've-
teran'. Orang-orang lama
ini adalah ibarat 'ayah'
yang inginkan kejayaan
anak-anaknya. Memang
tidak dapat dinafikan ba-
hawa jalinan kemesraan
dalam setiap kekeluargaan
adalah sentiasa diperlukan
pada setiap ketika.

Satu persoalan harus
kita jawab dengan jujur
berhubung dengan 'Tekad
Tahun Baru 1987' ini —
"Berapa banyakkah sudah
khidmat bakti saudara ke-
pada negara?" Justeru,
khidmat dan pengorbanan
negara kepada saudara ti-
dak terkira tingginya.

Menerusi ruangan Ra-
dio Minggu Ini, semua pe-
gawai-pegawai dan juga
kakitangan yang berkhid-
mat sekali lagi tidak lupa
menucapkan — Selamat
Tahun Baru Masihi 1987,
kepada semua pendengar
dan peminat suara Radio
Brunei di mana sahaja
mereka berada.



Drama Tv:

"KAPAL KERTAS"

DRAMA "KAPAL KER-
TAS" bahagian kedua ini
menceritakan Adilah orang
gaji di rumah Badrul
pulang ke kampung dise-

babkan Badrul selalu
mengganggunya. Akhirnya
Badrul dihantar ke Hos-
pital dan dirawat di Unit
Sakit Jiwa.

Apabila Badrul sembuh,
didapatinya orang gaji
mereka Adilah sudah ber-
henti kerja dan pulang
ke kampung. Badrul baru
menyadari bahawa Adilah
seorang gadis yang ber-
hati mulia pernah mera-

watnya.

Badrul menemui Adilah
di kampung untuk memu-
juk kembali ke rumahnya
tetapi hati Adilah berat
untuk meyakini kasih sa-
yang Badrul.

Alam Remaja

SUHAIMI Hj Abd Ra-
hman penyanyi muda yang
diundang dalam rancangan
Alam Remaja.

Jangan lupa untuk
mengikuti siarannya pada
hari Isnin 12 Januari jam
4.00 petang dan akan di-
ulang siarannya pada hari
Rabu 14 Januari jam 8.30
malam.



Mari Memasak:

Pudding Epal Berjurai

BAHAN-BAHANNYA:
PASTRI:

- 200 gm (8 auns) tepung gandum
- 100 gm (4 auns) mentega dipotong-potong
- 1 biji kuning telur
- 25 gm (1 auns) gula halus dan secubit garam.

INTINYA:

- 6 biji epal kulit hijau
- 2 sudu makan air limau
- 100 gm (4 auns) gula kasar
- 3 biji telur ayam
- 1 cawan susu cair
- 1 sudu makan tepung gandum
- Sedikit serbuk rempah kuni
- Cherry dan beberapa hi-risan epal kulit merah untuk hiasan.

CARA MEMBUATNYA:—
PASTRI:

- 1. Ayak tepung ke dalam mangkuk.
- 2. Campurkan mentega, gula halus, kuning telur, garam

dan air sejuk. Gaulkan dengan tepung tadi se-hingga sebat.

- 3. Sejukkan selama 1 jam di dalam peti ais.
- 4. Panaskan ketuhar 200 darjah C atau 400 darjah F.
- 5. Canaikan adunan setebal 0.2 sm dan buatkan pas-tri itu sebagai alas loyang. Buatkan lubang-lubang kecil pada pastri dengan menggunakan garfu.
- 6. Aturkan hirisan epal di atas pastri dan bakarlah selama 20 minit.
- 7. Keluarkan dan sejukkan sebentar.

INTINYA (Topping):

- 1. Pukul telur dengan gula sehingga kembang. Ma-sukkan susu cair, serbuk rempah kuni dan tepung gandum.
- 2. Curahkan adunan ke atas pastri dan epal rata-rata dan bakar selama 20 ke 25 minit.

Sandiwara Radio:

"Bukan Benteng Memisahkan Hati"

SEKALI lagi penulis
Norhisham Mustafa,
Kelantan, Malaysia diberi-
kan peluang untuk meng-
isikan ruangan Sandiwara
Radio Minggu Ini dengan
hasil karyanya yang ber-
judul BUKAN BEN-
TENG MEMISAHKAN
HATI.

Penulis mengemukakan
betapa segelintir manusia
yang sangat mendewa-de-
wakan pangkat dan kedu-
dikan, sehinggakan orang
yang berkedudukan ren-
dah dianggap tidak layak
untuk dibawa bermesra;
walaupun ia merupakan
jiran yang terdekat.

Begitulah halnya dengan
Jorah, siapa yang sangat
sombong dengan kedu-
dikan yang disandang
oleh suaminya. Ia sama
sekali tidak bersetuju de-
ngan sikap suaminya ber-
baik-baik dengan Rizal
jiran mereka yang cuma
bekerja sebagai kuli. Ia
amat kesal bila Zahid ber-
susah payah menumpang-
kan Rizal setiap kali hen-

dak pergi dan pulang dari
kerja.

Bagi Zahid pula per-
kara itu tidak penting. Ba-
ginya, ia boleh bersahabat
dengan sesiapa saja yang
dia mahu. Dan yang pen-
ting ialah untuk mendidik
anak mereka satu-satunya
iaitu Irwan agar menjadi
seorang manusia yang ber-
guna.

Berlainan pula deng-
an sikap Jorah. Ia lebih
suka memanjakan anaknya
dan mengikut apa saja
kehendaknya. Inilah per-
kara yang merunsingkan
Zahid, memandangkan
sikap isterinya itu boleh
merosakkan masa depan
anak mereka sendiri.

Dalam diam-diam Ir-
wan menyimpan hasrat
buruk terhadap isteri Ri-
zal. Berjayakah Irwan
menjalankan niat buruk-
nya itu? Dan apa pula
tindakan Zahid terhadap
anaknya? Ikutilah kisah
selanjutnya nanti pada 11
Januari, 1987 jam 11.30
pagi.

Rancangan ini diterbit-
kan oleh Helen Thu.

Sebuah telaga digali di kawasan Champion

SEBUAH lagi telaga baru digali di kawasan sebelah barat Champion. Penggalian itu dilakukan oleh rig turunaik Harvey Ward.

CP-WEST, padang satelit bagi padang Utama Champion yang besar itu bertempat kira-kira 40 km dari Pantai Jerudong. Padang tersebut membentuk sebahagian dari sumber utama Champion, satu bangunan yang asalnya dari tekanan yang tertumpu dari dasar dalam bumi yang berlaku sejak beberapa lama yang lalu.

Jangka masa yang lama inilah, besar kemungkinan, membolehkan minyak dan gas berpindah dari asalnya yang dalam dipanggil 'dapur' kepada peringkat tuhur. Laluan-laluan pemindahan hidrokarbon yang bertambah

di dalam 'perangkap-perangkap' dengan perlahan akan mengisi padang padang yang kita ketahui sehingga hari ini.

Pemindahan hidrokarbon ini adalah proses mengambil masa yang agak lama dan kerana itu kadarnya tidak dapat diukur kerana ia disangka sebagai proses yang berterusan meskipun di masa kini.

Tembakan data seismik 3D yang meluas di kawasan Champion mengalir kemungkinan-kemungkinan tambahan bagi hidrokarbon 'terperangkap' di kawasan CP-West. Setelah talian-talian seismik ditembakkan, set yang akhir di dalam bulan Mei tahun 1986 untuk meneruskan penilaian keluasannya bagi perangkap-

perangkap ini.


Peringkat yang tinggi bagi kawalan mutu diperlukan di setiap peringkat, dari operasi-operasi tembakan kepada pencetakan akhir bagi bahagian-bahagian sesmik. Semua proses telah dijalankan dengan sistem komputer VAX di Jabatan XGP. Penjelasan bagi bahagian-bahagian ini dengan secepatnya melihat keadaan adanya sebilangan perangkap-perangkap tambahan.

Walau bagaimanapun hidrokarbon-hidrokarbon yang ada di dalam perangkap-perangkap ini masih akan disahkan oleh teknologi lama, mata gerudi.

Telaga telah dihasilkan di penghujung bulan Oktober dan masa ini sedang meng-

gerudi di kedalaman lebih dari 7,000 kaki di bawah peringkat dasar laut. Pada peringkat ini ianya berdiri tegak tetapi dirancang untuk melancong dari talian ini lebih dari 50 degree. Untuk tujuan ini peralatan MWD (pengukuran ketika penggerudian) digunakan untuk mencari kedudukan dan penyesuaian bagi lubang telaga dengan tepat dan untuk mendapatkan maklumat geologi yang berterusan untuk membandingkan kesan telaga yang sebenar dengan kenyataan ramalan.

Telaga ini akhirnya akan mencapai kedalaman 12,000 kaki (4km) sehingga pada akhir tahun ini dan sehingga itu barulah kita dapat tahu jika kita boleh menambah simpanan-simpanan hidrokarbon di Brunei Darussalam.



BEGINILAH bentuk Rig turunaik Harvey Ward yang telah menggali telaga percobaan di kawasan Champion baru-baru ini.



AWANG Haji Hassan Jubri sedang menerangkan cara menggunakan peralatan kecemasan kepada peserta-peserta kursus pertama 'Radiological protection'.

Radiasi elektrik penting dalam industri minyak

PENGUNAAN gas radiasi elektrik sekarang adalah lazim digunakan di industri minyak dan gas kita. Sumber-sumber radioaktif digunakan dalam pengambilan gambar x-ray pemeterian untuk memastikan keutuhan dan keteguhan struktur sama ada dari segi pengawasan bawah telaga dan sebagai alat pengesan dalam sistem proses.

Dalam pada itu, perkembangan cas radiasi elektrik sebagai peralatan industri yang amat berguna adalah juga merbahaya kepada manusia. Radiasi boleh menyebabkan rasa mual, muntah-muntah dan tidak sihat badan dan dalam hal-hal yang berlebihan boleh meragut nyawa seseorang.

Dari itu langkah-langkah keselamatan mesti diambil demi untuk melindungi setiap individu dari terkena bahaya-bahaya radiasi ini.

Berikutan dengan Audit Operasi berbahaya yang telah dijalankan dengan jayanya oleh ahli-ahli EQA ke atas kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam radiografi maka sebuah kumpulan telah pun dibuat untuk memerhati semula keputusan-keputusan audit tersebut.

Pada 29 Oktober 1985, iaitu setelah taklimat disampaikan oleh kumpulan pemerhati kepada SAC, pihak SAC telah pun bersejua untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa teristimewa terhadap Keselamatan Radiasi, sejajar dengan panduan Keselamatan Radiasi yang dikeluarkan oleh SPIM.

Pada 15 Disember 1986 sejumlah 70 orang pekerja telah menghadiri kursus yang dianjurkan oleh PTR/1.

Kursus tersebut bertujuan untuk memberi pengetahuan lanjut terhadap peraturan-

peraturan penggunaan, simpanan, kenderaan dan cara pengurusan cemas bahan-bahan radioaktif.



AWANG Jan Choufer, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat-Syarikat Shell menyampaikan lancana kepada AWANG Nico van Dijk, Pengarah Urusan BSP.

13 orang hadiri kursus keselamatan

TIGABELAS orang kakitangan operasi dan pekerja-pekerja yang mengendalikan pembuangan besi telah berkursus selama sehari di Bilik Permesyuaratan jabatan tersebut pada hari Jumaat, 12 Disember 1986.

Ketua kursus, Robin Hoon telah berkata perjumpaan itu bermaksud untuk menunjukkan beberapa jenis masalah keselamatan yang mungkin akan berlaku ketika menjalankan kren dan mengendalikan trak trak angkutsusun dan untuk mencadangkan cara-cara yang baik bagi mengendalikannya.

Beliau menambah kata bahawa kursus itu juga mengandungi penerangan bagi teknik-teknik mengendalikan peralatan, peraturan-peraturan keselamatan, undang-undang tempatan dan syarat-syarat.



Pekerja-pekerja Shell diberi kepujian

PEKERJA-PEKERJA BSP telah diberikan kepujian kerana pencapaian mereka dalam keselamatan baru-baru ini.

Pujian itu telah diberikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Syarikat Shell, AWANG Jan Choufer di satu majlis yang telah diadakan pada 5 Disember 1986.

Pekerja-pekerja dalam BSP telah sama-sama berusaha dalam mendapatkan sebanyak satu juta jam bekerja tanpa sebarang kemalangan masa bekerja disebabkan kemalangan. Kejayaan ini telah pun dicapai pada 13 Oktober lalu.

Sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian ini, BSP telah pun dianugerahkan oleh Shell Group sebuah lancana keselamatan. Penganugerahan itu telah disampaikan oleh AWANG Jan Choufer kepada Pengarah Urusan, AWANG Nico van Dijk.

Ketika menyampaikan lancana itu, AWANG Jan Choufer berkata pencapaian sebanyak sejuta jam bekerja tanpa kemalangan ini adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan dan ianya pasti mendapat perhatian di Pusat Shell Group.

"Saya juga merasa yakin bahawa mereka yang boleh bekerja dengan selamat pasti juga boleh memperolehi keputusan-keputusan yang baik di lain-lain aspek perniagaan," jelas AWANG Choufer.

AWANG Choufer seterusnya berkata betapa perlunya setiap orang di dalam syarikat untuk mengajayakan perhatian mereka ke arah keselamatan.

Beliau menekankan bahawa perkara tersebut tidak patut diserahkan saja kepada pengurusan syarikat malah ianya mesti diberikan oleh kesemua pekerja di dalamnya.

"Tidak seorangpun dibenarkan untuk menghindarkan diri dari tanggungjawab terhadap keselamatan dan mereka mestilah memberikan perhatian ke arah pembasmian keselamatan sama seperti aspek aspek perniagaan yang lain," ujarnya.

Bahasa Melayu tidak sesuai digunakan untuk Bahasa Sains dan Teknologi:

Anggapan sedemikian amat dikesali

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Md. Daud dalam ucapannya merasa kesal atas anggapan orang-orang asing dan setengah orang-orang Melayu sendiri yang menerima dan mengakui bahawa Bahasa Melayu dikatakan tidak sesuai dan tidak boleh digunakan untuk bahasa sains dan teknologi serta perniagaan.

Pendapat seumpama ini katanya, jika tidak dikawal akan memerangkap dan memenjara daya usaha kita berfikir kerana mungkin ada orang Melayu yang berbahasa Melayu sendiri merasa yakin tentang pendapat itu.

Oleh: Zubaidah Haji Salat

Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Ali berkata demikian ketika merasmikan Penubuhan Jawatankuasa Istilah yang berlangsung di Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 31 Disember lepas.

Walaupun bagaimanapun jelasnya, dengan adanya kesedaran tentang peri mustahaknya Bahasa Melayu, kasih sayang kepada bangsa dan tanahair, beliau percaya bahawa Jawatankuasa Istilah yang telah ditubuhkan ini dapat membuktikan yang Bahasa Melayu boleh digunakan dalam apa jua jurusan sekalipun asalkan kita mahu dan berusaha untuk menggunakannya.

Usaha MABBIM, iaitu Majlis Bahasa Brunei Darussalam — Indonesia — Malaysia yang dianggotai penuh oleh Brunei Darussalam pada 4 November, 1985 antara lain untuk menjamin kedaulatan perkembangan dan penggunaan Bahasa Melayu yang meluas di rantau kita ini dan juga di kalangan antarabangsa di satu hari nanti adalah patut dan kena pada tempatnya untuk diberi sokongan dan penghargaan, tegas Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Beliau juga yakin, dalam usaha Dewan Bahasa dan Pustaka yang tidak putus-putus dan tanpa patah harapan selama 25 tahun dalam melambangkan dan menyebarkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara, sudah setentunya dapat dikuasai oleh mereka orang-orang yang bukan pemilik Bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya, yang sudah lama bermastautin di negara ini.

Menurut Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi dalam ucapan alu-aluannya, di majlis perasmian tersebut, bahawa Penubuhan Jawatankuasa Istilah adalah



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Ali, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap merasmikan Penubuhan Jawatankuasa Istilah baru-baru ini.

bermula pada tahun 1965 dan hingga awal tahun 80an, sebanyak 19 buah Jawatankuasa Istilah telah ditubuhkan, yang mana lebih banyak berfungsi untuk mencipta istilah bagi memenuhi keperluan pentadbir di jabatan-jabatan Kerajaan dan swasta.

Walaupun bagaimanapun perasmian penubuhan Jawatankuasa Istilah yang baru itu ialah bagi Jawatankuasa Istilah Kimia, Fizik, Biologi, Matematik, Pendidikan dan Perpustakaan dan adalah langkah pertama dibuat setelah kita diterima menjadi ahli penuh dan rasmi dalam Majlis Bahasa MABBIM.

Penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Istilah ini juga katanya, antara lain adalah untuk memenuhi keperluan tempatan iaitu bagi mencipta istilah-istilah dalam bidang tertentu, di samping untuk memenuhi keperluan MABBIM sesuai dengan rencana kerja yang sedang dan akan dihadapi.

Bermesra dengan sistem metrik...

TAHUKAH AWDA:

- * Apabila kita mengembara dengan kapal terbang, barang-barang kita ditimbang dengan timbangan kilogram.
- * Berapakah berat badan awda dalam kilogram?
- * Unit asas untuk berat dalam Sistem Metrik ialah kilogram. Unit-unit yang terlalu besar daripadanya ialah ton (t) sementara untuk yang terlalu kecil ialah milligram (mg) atau gram (g).
- * 1000 mg = 1 g
- * 1000 g = 1 kg
- * 1000 kg = 1 metrik tonne (t)

BERAT:

Berdasarkan kepada 1 lb = 0.45:
1 kg = 2.21 lb

PAUN (lb)	KE	KILOGRAM (kg)
1		0.45
2		0.91
3		1.36
4		1.81
5		2.27
6		2.72
7		3.18
8		3.63
9		4.08
10		4.54
20		9.07
30		13.61
40		18.14
50		22.68

KILOGRAM	KE	PAUN (lb)
1		2.21
2		4.41
3		6.61
4		8.82
5		11.02
6		13.23
7		15.43
8		17.64
9		19.84
10		22.05
20		44.09
30		66.14
40		88.19
50		110.20

Dayang Norhayati juara Talentime '86

BERAKAS. — Dayang Norhayati binti Mohd. Noor telah muncul sebagai juara Talentime '86 dalam pertandingan akhir yang telah berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini pada 31 Disember lepas.

Dayang Norhayati membawakan lagu 'If You Go Away'. Dengan kemenangan itu beliau telah menerima hadiah \$1,500 di samping piala iringan.

Naib juara telah disandang oleh Awang Aspar bin Damit menerima hadiah \$1,000 dan pemenang ketiga jatuh kepada Awang Jofri bin Abd. Rahman dengan memenangi hadiah \$750.

Sementara dalam bahagian juara kugiran Kumpulan Sweet Memories telah muncul sebagai juara.

Pertandingan tersebut telah disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei. Ianya dianjurkan adalah semata-mata bertujuan untuk mencari bakat penyanyi yang berkebolehan menyampaikan lagu-lagu Inggeris dengan suara yang baik di samping dihasratkan secara langsung untuk mendidik peserta-peserta supaya dapat menguasai bahasa Inggeris dengan tatabahasa yang sempurna.

Sejak tahun 60an lagi Radio Brunei melalui bahagian Inggeris telah menganjurkan pertandingan serupa ini tetapi tergendala beberapa tahun sehinggalah pada tahun 1985 Radio Televisyen Brunei telah menganjurkan pertandingan tersebut.

Pada tahun lalu Juara Talentime telah disandang oleh Awang Zulkifli Butir sementara Irama Perindu II menjuarai bahagian Juara Kugiran.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong ketika menyampaikan hadiah kepada Dayang Norhayati binti Md. Noor, juara Talentime (atas) dan kepada juara kugiran, Sweet Memories (bawah).



Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEL keluaran 20 April 1966 merakamkan tentang pembukaan rasmi Sekolah Agama Bakiau, Lamunin, Daerah Tutong pada 15 April 1966.

Pembukaan rasmi sekolah tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin

(sekarang dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Hajj).

Yang Amat Mulia dalam sabdanya menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha dan ingin melibah rakyatnya di seluruh negara mempunyai taraf hidup yang tinggi dan hidup dalam kebahagiaan.

Brunei Darussalam dalam kenangan

PENGAMBILAN pertama bagi kursus Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di bawah penyelenggaraan dan pentadbiran Jabatan Muzium Brunei, telah mula dijalankan di Kampong Perpindahan Berakas, pada 1 September 1964.

Bagi permulaan projek ini seramai 24 orang penuntut iaitu 8 orang bagi tiap-tiap satu bidang kursus telah dipilih untuk mengikuti latihan yang dimaksudkan.

Kursus-kursus yang diadakan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Pertukangan Perak, Pertukangan Tembaga dan Bahagian Tenunan. Kemudian di musim pengambilan kedua satu kursus baru dalam bidang anyaman telah mula diperkenalkan.

Penubuhan pusat ini bertujuan untuk menghidupkan semula pertukangan tempatan yang hampir tidak diusahakan oleh penduduk-penduduk negeri ini. Di samping itu juga kursus ini dihasratkan untuk menggalakkan penduduk-penduduk yang pernah mengusahakan pertukangan kemahiran mereka supaya berusaha semula melalui pusat ini mengadakan latihan kepada pemuda-pemudi yang cenderung terhadap pertukangan tangan dan menggalakkan pengenalan dan penjualan hasil-hasil perusahaan pertukangan tangan dan kesenian.

Pada awal tahun 1984 Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah berpindah ke bangunan barunya di sebuah kawasan yang indah di tepi Sungai Brunei di Jalan Residency, di ibu negara.

Orang ramai diingatkan jangan makan kerang-kerangan dari Sabah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pihak berkuasa kesihatan menasihatkan orang ramai di negara ini supaya tidak memakan kerang-kerangan laut dari Sabah, sehingga satu pemberitahuan kelak.

Amaran itu dikeluarkan selepas pihak berkenaan mendapat tahu bahawa beberapa kawasan di luar pantai Sabah dicemari air merah yang berbahaya.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-362

15. BERKATA Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitabnya Tuhfatul Muhtaj 'Ala Syarhil Minhaj, disebut dengan ringkas At-Tuhfat: Diulang tiga kali menurut syarat yang telah tersebut dalam bab wuduk dahulu iaitu pada mencelah-celah rambut kepala selepas memandikan kepala, iaitu menurut perbuatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kemudian diulang tiga kali pada mencelah-celah rambut muka, kemudian diulang-ulang tiga kali pada memandikan muka, kemudian diulang tiga kali pada mencelah-celah rambut badan, kemudian diulang tiga kali pada memandikan badan, ialah dengan dikiaskan mengulang-ulang tiga kali pada mencelah-celah, menyapu dan membasuh anggota-anggota wuduk. Dan tertib pada mencelah-celah rambut dan pada memandikan anggota menurut tertib di atas ini sekalipun mana-mana ulama tidak menegaskannya, tetapi berbuat begitu menurut tertib di atas adalah terang dan nyata.

Mengulang-ulang tiga kali pada lain-lain anggota yang lain dari anggota yang tersebut di atas, iaitu memandikan rusuk kanan kemudian rusuk kiri diulang-ulang sekali, dua kali dan tiga kali atau diulang berturut-turut memandikan rusuk kanan tiga kali, kemudian memandikan rusuk kiri tiga kali, dan menurut kias mengulang-ulang tiga kali pada wuduk hendaklah diikuti cara mengulang berturut-turut tiga kali pada mandi itu, kerana sunat dan mengikut perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, atau memandikan rusuk kanan kemudian rusuk kiri diulang hingga tiga yakni salah satu dari dua cara atau kaifiyah itu boleh diikuti.

Kemudian Al-Imam Ibnu Hajar berkata: Memadallah mengalirkan air tiga kali di atas anggota apabila air itu mengalir, dan jika air itu tiada mengalir seperti air dalam kolam, maka orang mandi hadas besar itu hendaklah bergerak-gerak tiga kali.

16. Sebaik-baiknya dilambatkan mengulang-ulang tiga kali dari menggosok itu yakni dijiros air ke atas anggota kemudian menggosok, diperbuat begitu tiga kali.

Mandi kerana hadas

17. Sunat niat mandi hadas besar itu sentiasa mengiringi sepanjang kelakuan mandi itu dengan ingat dalam hati sebagaimana diperbuat begitu pada wuduk.

18. Jangan ia meninggalkan niat mandi hadas itu sebelum sempurna mandi itu dengan membuat sesuatu perkara lain seperti ia membuat perkara yang mengeluarkan dia dari Islam iaitu riddah atau ia berpaling dari niat hadas dengan niat membersihkan sesuatu anggotanya ketika ia sedang mandi hadas itu dan jangan ia berbuat begitu ketika ia berwuduk kerana niat itu adalah suatu syarat sah dalam mandi dan wuduk.

19. Sunat jangan kurang air mandi itu dari satu gantang Medinah iaitu 3 kati 12 tahlil pada orang yang sederhana kejadiannya, kerana Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam mandi hadas besar dengan sebanyak satu gantang Medinah itu. Dan jika air kurang dari satu gantang Medinah itu dan boleh meliputi segala anggota badan, maka memadallah.

Adapun orang yang tidak sederhana kejadiannya, maka bolehlah ia menggunakan air lebih dari kadar satu gantang Medinah atau kurang dari satu gantang Medinah itu.

Adapun satu gantang Medinah (Islam) itu sama dengan 3 kati 12 tahlil dan sama dengan lima paun atau sama dengan 2.27 kilo.

20. Sunat bagi perempuan, sekalipun dara atau tidak bersuami, selain daripada perempuan yang sedang dalam idah mati suami, dan selain daripada perempuan yang berihram haji atau umrah, iaitu ia mengikuti kesan darah itu sama ada dari haid atau nifas dengan kasturi iaitu seumpama diletakkan kasturi itu pada kapas atau pada kain perca, setelah perempuan itu mandi hadas dan dimasukkan

Bahagian Ketiga



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Menteri Hal Ehwal Ugama.

kapas atau perca itu ke dalam anggota yang wajib dimandikan dari faraj itu, kerana perintah daripada Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh berbuat begitu, dan sunat berbuat begitu meliputi juga perempuan yang tidak bernafsu.

Adapun perempuan yang beridrah mati suami, dan perempuan yang berihram, maka haram di atas keduanya berbuat begitu, akan tetapi sunat bagi perempuan yang berkahang berbuat begitu dengan sedikit dari kayu gaharu atau sedikit dari azfar iaitu wangian yang berwarna hitam seperti jari itu.

Jika tidak ada kasturi, maka pakailah lain-lain wangian, jika tiada didapati juga lain-lain wangi-wangian maka pakailah lumpur, jika tiada juga didapati lumpur, maka dengan air pun memadallah pada menolak makruh, kerana meletakkan wangian atau lumpur atau air itu adalah sunat selepas mandi hadas dan jika ditinggalkan (tiada berbuat begitu) adalah makruh.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

BANDAR SERI BEGAWAN.

— 10 orang jurunikah dari seluruh negara telah menerima surat tauliah mereka yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin bertempat di pejabat Yang Berhormat pada 30 Disember lepas.

Sebelum penyampaian surat-surat tauliah itu, bacaan surat tauliah telah disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Zaimi bin Haji Talip, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam.

Mereka yang menerima surat tauliah itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Zainal bin Kahar, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Ahmad bin Abd Razak, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mohd. Yassin bin Damit, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Abd. Wahid bin Haji Besar dan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Awang Haji Mohd. Yusof bin Abd. Latif kesemuanya dari Daerah Brunei dan Muara.

Awang Sulaiman bin Rais dari Daerah Belait, Awang Yusof bin Damit dari Daerah Tutong, Awang Haji Suhaili bin Ibrahim, Awang Haji Nasar bin Buntar dan Awang Haji Abd. Kadir bin PDPD Haji Abd. Rahim kesemuanya dari Daerah Temburong.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama Yang Mulia Dato Paduka Ustaz Haji Awang Abd. Saman bin Kahar, Pengarah Hal Ehwal Syariah Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd. Hamid.

10 jurunikah terima surat tauliah



BANDAR SERI BEGAWAN.

— Dua majlis pengislaman bagi dua orang saudara baru telah dilangsungkan baru-baru ini.

Pada 25 Disember, 1986 yang lalu telah disempurnakan pengislaman seorang pemuda Dusun, Awang Duba bin Yuntun, 26 tahun, bertempat di rumah Awang Yuntun bin Surong, Kampong Bukit Udal, Tutong.

Beliau telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Omar bin Haji Ismail, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama Daerah Tutong. Awang Duba memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Hairol Alaika bin Yuntun @ Abdullah.

Sementara itu bertempat di rumah Pengiran Metassan bin Pengiran Haji Mohiddin, Kampong Sungai Buluh, Jalan Kota Batu, telah dilangsungkan juga majlis pengislaman bagi seorang gadis Filipina, Dayang Gloria

Manalo Y. Papio yang kini dikenali sebagai Dayang Siti Aishah binti Abdullah. Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abdul Ghani, Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiyah.



AWANG Muhammad Hairol Alaika bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di depan Awang Haji Omar bin Haji Ismail (atas kiri). Sementara gambar atas kanan kelihatan Dayang Siti Aishah binti Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di depan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abdul Ghani. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dua orang saudara baru memeluk Islam

